

Jilid III
Bil. 16



Hari Rabu
4hb Disember, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3441]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) [Ruangan 3501]

Rang Undang-undang Orang-orang Papa [Ruangan 3553]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddeen (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZRAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., JP.
(Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K.,
B.K.(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K.S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A.S. DAWOOD
(Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D.P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 4hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANLAWATAN PERDANA MENTERI
KE CHINA

1. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke negeri China baru-baru ini.

6-12-85

2. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kesan-kesan yang telah diperolehi daripada lawatan rasmi beliau ke negara China.

7. Puan Lim Sean Lean minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kemajuan dan hasil yang konkrit telah dicapai dalam lawatannya ke China baru-baru ini, khususnya dalam bidang perdagangan, perniagaan ekonomi dan sosio-politik, sama ada pihak China masih memegang teguh atas pendiriannya P-P dan G-G yang terbabit isu MCP.

11-12-85

14. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan dan hasil-hasil yang diperolehi di dalam lawatan Perdana Menteri ke negeri China baru-baru ini.

22. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) hasil lawatan Perdana Menteri ke negeri China; dan

(b) sama ada Kerajaan akan menimbangakan melonggarkan syarat-syarat untuk rakyat Malaysia yang ingin melawat ke negeri China.

16-12-85

14. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke negeri China dan apakah isu-isu serantau dan antarabangsa yang dibincangkan.

20-12-85

12. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya juga ingin menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan dan Senator Fuan Lim Sean Lean pada 6-12-85, Yang Berhormat Senator Paramjit Singh dan Senator Abdul Hamid bin Ibrahim pada 11-12-85, Yang Berhormat Senator Nen Abidah binti

Haji Abdullah pada 16-12-85, Yang Berhormat Senator Mohd. Noor bin Bedah pada 20-12-85 memandangkan persamaan soalan tersebut yang dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepada saya.

Hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China perlu dilihat dari segi objektif lawatan tersebut di mana objektif utama ialah untuk mempertingkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan negeri China. Berlandaskan kepada objektif ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat lawatan tersebut sudah berjaya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertemu dan berbincang dengan beberapa orang pemimpin China mengenai beberapa masalah ekonomi dan perdagangan. Mengenai isu perdagangan terus, Premier Zhao Ziyang telah memberi jaminan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tidak ada apa-apa halangan yang akan menghinder untuk mencapai maksud ini dan kedua-duanya telah bersetuju satu cara untuk melaksanakan maksud ini ialah melalui Memorandum Persefahaman Bersama yang ditandatangani oleh Majlis Dewan Bersama Melayu—China dan Majlis Menggalak Perdagangan Antarabangsa China, dengan izin, China Council for the Promotion of International Trade.

Premier Zhao juga telah bersependapat dengan rasa kebimbangan kita mengenai ketidakseimbangan perdagangan semenjak tahun 1981 di mana beliau telah memberi jaminan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa China akan memberi keutamaan untuk mempertingkatkan importnya terutama bahan-bahan utama, barang siap dan separuh siap dari Malaysia.

Syarikat Sabah Gas Industries telah menandatangani surat perjanjian untuk menjual sebanyak 200,000 tan besi HBI dan majlis penyerahan 10 buah kereta Proton Saga kepada pihak China, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyaksikannya.

Selain daripada itu, peniaga-peniaga Malaysia yang mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya mengikat kontrak penjualan dengan pihak China sebanyak \$57 juta. Perjanjian lain yang juga telah ditandatangani berjumlah sebanyak \$480 juta di dalam bidang pembinaan dan perhiasan, reka-bentuk dan interior design. Selain dari itu, peniaga-peniaga Malaysia telah dapat mengenalpasti beberapa barang yang mempunyai potensi untuk dijual di pasaran China.

Berkenaan dengan kerjasama ekonomi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dengan panjang lebar dengan pemimpin-pemimpin China mengenai kemungkinan peluang-peluang untuk pelaburan bersama, dengan izin, joint-venture di antara China dengan Malaysia terutama sekali menggunakan bahan-bahan utama dan kepakaran Malaysia. Pihak China telah memberi jawapan yang positif terhadap cadangan ini. Di samping itu, perjanjian untuk mengelak cukai dua kati telah ditandatangani semasa lawatan tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berbincang mengenai perlunya untuk mempertingkatkan perdagangan barter (barter trading) di antara kedua-dua negara dan jawapan yang diberi oleh pihak China sangat memuaskan. Kejayaan ini pada peringkat mulanya telah pun tercapai apabila beberapa orang peniaga yang mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya

menghasilkan perdagangan berdasarkan kepada perdagangan barter.

Perkara kerjasama perkapalan juga telah dibangkitkan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk ini, Premier Zhao sendiri telah memberikan jawapan yang positif dan telah mengarahkan pegawai-pegawainya untuk memulakan perbincangan dengan pegawai-pegawai Malaysia. Perbincangan selanjutnya mengenai perkara ini sedang diatur.

Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berbincang mengenai situasi timah antarabangsa dengan pemimpin-pemimpin China dan meminta kerjasama mereka untuk turut serta dengan negara-negara pengeluar timah yang lain untuk menstabilkan harga timah di pasaran antarabangsa. Premier Zhao telah memberikan jaminan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa China akan bekerjasama dan menyelaraskan dengan Pertubuhan Timah Antarabangsa mengenai tindakan supaya kepentingan negara-negara pengeluar tidak terjejas. Pihak China juga telah bersetuju untuk memberi pertimbangan yang serius sebagai langkah pertama untuk menjadi pemerhati dan seterusnya menjadi ahli Pertubuhan Timah Antarabangsa (ITC) dan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC). Jaminan yang sedemikian patut dialu-alukan tatkala harga timah antarabangsa sedang mengalami kemelesetan.

Berdasarkan kepada kejayaan yang tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpuas hati dengan hasil lawatannya ke China. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuka jalan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk mengambil peluang serta melibatkan diri secara meluas di dalam

pembangunan ekonomi Negeri China yang akan memberi faedah kepada negara. Walau bagaimanapun terpulanglah kepada peniaga-peniaga Malaysia seterusnya membuat tindakan selanjutnya untuk mengambil peluang-peluang ini.

Berhubung perkara syarat-syarat kelonggaran rakyat Malaysia melawat negeri China, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah pun memberikan kelonggaran serta kemudahan untuk membolehkan peniaga-peniaga Malaysia melawat negeri China. Ini selaras dengan tujuan Kerajaan untuk mempertingkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi di antara Malaysia dengan China.

Mengenai hubungan di antara parti dengan parti, saya ingin menjelaskan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak membangkitkan perkara ini dengan pemimpin-pemimpin China kerana tujuan utama lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China ialah membincangkan perkara perdagangan dan ekonomi dan tidak bertujuan untuk bertikam lidah terhadap berlainan pendapat mengenai isu politik. Maka dengan itu tidak ada perubahan kedudukan Malaysia terhadap hubungan parti dengan parti. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa beliau tidak akan membiarkan berlainan pendapat yang tersebut di atas menghindarkan peningkatan hubungan yang akan memberi faedah kepada kedua-dua negara.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu dengan kerjasama ekonomi yang terjalin dengan negeri China, adakah pihak Kerajaan kita ataupun Kerajaan China memberi apa-apa layanan istimewa bagi perdagangan dua hala antara

kedua-dua negara ini? Yang kedua, tidakkah Kerajaan sedar bahawa apa jika faedah melalui perjanjian dan kerjasama ekonomi dengan Negeri China, negara itu ialah sebuah negara komunis merupakan satu perkara yang membahayakan negara ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, di atas keistimewaan yang diberikan oleh Negara China semenjak pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini mengambil kuasa di China, boleh dikatakan dasarnya adalah memberikan kelonggaran dari segi untuk membuka pintu Negara China itu kepada orang-orang luar untuk berniaga dan berdagang dan kerjasama ekonomi dan juga dasar di setengah-setengah Province, boleh dikatakan menggalakkan. Mereka adalah memberikan galakan-galakan seperti insentif-insentif untuk peniaga-peniaga luar untuk melabur dan bekerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Boleh dikatakan tiada keistimewaan diberikan kepada Malaysia keseluruhannya. Tetapi dasarnya ada juga bersabit dengan untuk menggalakkan overseas Chinese menarik mereka yang mana ada kewangan dan kepakaran teknikal untuk pergi melabur di Negara China.

Bersabit dengan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani yang saya sebutkan tadi, boleh dikatakan ini adalah hasil daripada pendapatan kita iaitu semenjak Deng Xiaoping, pemimpin mereka yang utama sekali di Negara China mengambil kuasa di sana atau menjadi pemimpin utama atau pemimpin nombor satu di sana. Kita boleh berkatalah iaitu mereka ini betul-betul untuk membangkitkan satu billion rakyat mereka kepada tahap ekonomi yang tinggi, yang boleh dikatakan mereka berkehendakan, berhasrat sangat penduduk-penduduk Negara China, rakyat-rakyat China yang satu billion ini tinggi taraf

hidupnya, kalau boleh setanding dengan negara-negara yang maju dalam dunia ini.

Oleh sebab itulah kepercayaan kita, keyakinan kita di atas mereka untuk membangkitkan rakyat ini dan telah pun memberikan jaminan kepada Yang Amat Berhormat, dari segi keselamatan mereka akan menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah Malaysia dan negara-negara di Asia Tenggara ini dan juga negara lain. Mereka juga telah pun begitu sering kali berkata untuk berbaik-baik, untuk berkawan-kawan, untuk menjadi rakan di antara China dengan negara-negara ini. Maka sebab itulah kita ada keyakinan untuk menandatangani demi untuk kebaikan negara kita Malaysia, penduduk Malaysia, pihak swasta Malaysia dan dengan adanya perjanjian ini kita ada kepercayaan iaitu memberikan keuntungan dan kebaikan kepada kedua buah negara Malaysia dan Negara China.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan: Soalan tambahan. Apakah pandangan Kerajaan Malaysia ataupun apakah tanda-tanda yang meyakinkan Kerajaan Malaysia yang dasar terbuka Negara China ini akan berkekalan, oleh kerana kita tahu bahawasanya Negara China baru sahaja dalam masa enam tahun menukarkan dasar mereka sebagai dasar terbuka menggalakkan brang-orang luar melabur dalam negeri mereka, tetapi kita juga tahu bahawasanya keadaan politik di Negara China itu boleh bertukar bila-bila masa sahaja. Apakah keyakinan dan tanda-tanda Kerajaan Malaysia begitu yakin yang boleh meyakinkan kita juga yang dasar ini akan berkekalan?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tiap-tiap satu negara kita tidak boleh jatnin dasar. itu tidak bertukar. Dengan izin, kita tidak boleh jamin tidak berlaku 'irreversibility'

tiap-tiap satu negara itu. Sama juga dengan negara kita, kita tidak boleh menjamin dasar negara kita sekarang akan tidak dipinda, satu tahun, dua tahun, tiga tahun, sepuluh tahun hinggalah kepada hari kiamat tidak akan bertukar. Kita tidak boleh jamin negara kita begitu juga. Tetapi apa yang kelihatan pada kita daripada kacamata kita, buat masa sekarang ini nampaknya seperti mana saya sebutkan tadi mereka sangat jujur untuk membangkitkan rakyat mereka dan telah membuka pintu. Dengan sebab itulah saya rasa dengan adanya terdapat berlaku di Negara China iaitu perlantikan baik pun di dalam Kerajaan orang-orang baru, orang-orang muda yang ada kebolehan, kepakaran dan juga kepandaian teknikal dan sebagainya, sebagai birokrat telah pun dilatih. Dan juga kita terlihat terdapat perlantikan orang-orang baru dalam politik parti mereka. Ini telah memberikan gambaran kepada kita iaitu mereka berharap selepasnya orang-orang ini mungkin tidak, mereka ini akan melangsungkan, menjalankan juga dasar-dasar ini demi pada fikiran mereka adalah memberikan kebaikan kepada Negara China.

Pada fikiran saya, mungkin dalam beberapa tahun yang akan datang ini, 10, 20 tahun ini dasar ini akan berkekalan. Tetapi saya mungkin tidak boleh jamin selepas beberapa tahun ini akan tidak bertukar.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah rancangan pemimpin-pemimpin China akan melawat ke negara kita Malaysia dan dalam lawatan itu adakah akan membuat sesuatu perjanjian pula di antara Malaysia dengan China, di Malaysia ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita telah lihat pada masa yang

lampau, beberapa tahun yang lepas lawatan-lawatan pemimpin-pemimpin China telah pun berlaku ke sini. Deng Xiaoping telah pun datang ke sini dahulu. Bahkan Zhao Ziyang, Premier sekarang pun sudah datang dan juga Menteri-menteri lain dan juga pemimpin-pemimpin lain telah pun datang ke negara kita. Yang Amat Berhormat telah juga, mengundang Premier Zhao datang ke sini untuk melihat keadaan di sini demi untuk mengambil kegiatan susulan daripada apa yang telah dipersetujui. Ada lagi perjanjian-perjanjian yang mungkin masih lagi di dalam tahap perundingan.

Perjanjian-perjanjian ini kita harap seperti perkapalan, perdagangan dan sebagainya masih lagi di dalam negotiation. Itulah sebagai yang saya ingat yang perjanjian mungkin di dalam tahap perjanjian.

Tuan Ahmad bin Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Menteri, iaitu adakah Perdana Menteri membincangkan atas keselamatan sama ada China tidak lagi membantu berhubung dengan Parti Komunis China di Malaysia semasa Perdana Menteri mengadakan perbincangan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata kepada Premier Zhao, beliau kata dia tidak akan bangkit bersabit dengan 'party to party' perhubungan oleh sebab seringkali Malaysia membangkitkan hal ini dan Yang Araat Berhormat Perdana Menteri telah berkata beliau faham kedudukan pendirian China dan China telah pun faham keadaan kedudukan negara Malaysia. Dengan keadaan itu Yang Amat Berhonnat telah mengatakan dari segi kedudukan keselamatan, iaitu MCP ini adalah *status quo* pendirian kita dan pendirian dia. Sebab itulah perkara ini *distatus quokan* dan perkara ini tidak menjadi

halangan untuk meningkatkan kerjasama di dalam perdagangan dan ekonomi.

Pemimpin-pemimpin China seringkali berkata, bukan kata di dalam lawatan Yang Amat Berhormat ini sahaja, iaitu Negeri China akan menghormati kedaulatan negara Malaysia dan juga dengan negara yang lain termasuk negara-negara di Asia Tenggara ini dan juga akan menghormati keutuhan wilayah negara Malaysia dan tidak akan campurtangan di dalam hal ehwal dalam negeri negara kita Malaysia dan kita menerima jaminan itu. Sebab itulah kita boleh dikatakan juga mengadakan perjanjian yang tersebut itu. Itulah jawapan saya di atas pertanyaan Yang Berhormat tadi.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soal perdagangan antara China dan Malaysia ini kita tahu tentang peranan yang dimainkan oleh Hongkong dan Singapura. Oleh yang demikian, saya bertanya apakah pendekatan dan juga langkah-langkah praktikal yang boleh dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan kita dapat meningkatkan perdagangan secara langsung antara Malaysia dengan China walaupun di peringkat perbadanan Kerajaan, individu ataupun swasta.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebutkan tadi dengan adanya perjanjian di antara pihak swasta dengan agensi-agensi Kerajaan yang ditandatangani waktu lawatan Yang Amat Berhormat ini, kita berharaplah direct trade akan bertambah di antara China dengan kita. Dan juga kita telah pun cuba ikhtiar seberapa yang boleh kemudahan-kemudahan yang ada di pelabuhan kita dapat menarik bukan sahaja kapal-kapal daripada negara China, tetapi kapal-kapal yang lain juga supaya direct trade ini dapat

dilakukan di antara Malaysia dengan negara China khususnya dan negara-negara yang lain. Banyak lagi di dalam perbincangan kita yang akan kita lakukan untuk kita mendapatkan direct trade supaya kita dapat keuntungan yang besar dan tidak merugikan dua-dua pihak, iaitu negara China dan negara Malaysia. Ini sedang dilakukan dan ada juga pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dari segi perkapalan ada kerjasama. Ini kita akan rundingan bahkan selepas perjumpaan, itu dua pegawai turut selepas dua hari datang ke Canton untuk berbincang lagi di atas cadangan Yang Amat Berhormat ini, moga-moga kita akan dapat banyak lagi direct trade di antara negara China dengan Malaysia.

Tuan Haji Husein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri yang telah membawa rombongan ke Negeri China kerana rombongan yang seperti ini sama ada ke Negeri China atau ke Negeri India ialah satu tindakan yang amat tepat dengan masa dan ketikanya, terutama di dalam ketika dunia sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, kebetulannya rombongan ini bertujuan di dalam masalah ekonomi khususnya di dalam hubungan dagangan. Kalau dihitungkan andainya kita berjaya memberi galakan kepada orang-orang China boleh memakan sekilo minyak sawit di dalam tempoh setahun untuk seorang, ertinya kita sudah berjaya mendapat peluang untuk membawa sawit kita sekilo billion di dalam tempoh setahun. Kalau sekilo satu orang untuk setahun, ertinya satu kilo billion (*Ketawa*)—satu billion kilo dapat dijual ke Negeri China, demikian juga ke Negeri India, umpamanya. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sejauh mana kesungguhan di dalam rombongan itu khusus memberi perhatian di dalam masalah dagangan seperti yang saya

sebutkan tadi dan jika telah sedia ada setahap mana pula kedudukan sekarang di dalam masalah hubungan perkara yang saya sebutkan tadi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, benarlah apa Yang Berhormat kata itu. Jikalau bukanlah satu kilo, kalau satu sudu sahaja (*Ketawa*) akan memberikan keuntungan kepada kita. Ini kita hendak benar kalau boleh negara China ini membeli daripada kita minyak kelapa sawit dan juga barangan-barangan lain. Saya sukalah mengatakan kita ada di dalam rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri peniaga-peniaga bersabit dengan minyak kelapa sawit, bukan sahaja heiidak menjualkan seperti RBD, palm oil ataupun olein dan sebagainya, tetapi ada juga perbincangan untuk mengadakan manufacturing, downstream production, seperti membuat fatty acids, membuat sabun dan sebagainya. Saya sukalah memberitahu kepada Majlis Dewan yang mulia ini di atas cadangan kita hendak membesarkan lagi supaya kegunaan minyak kelapa sawit, kayu-kayan, getah-getah macam barangan daripada getah boleh digunakan oleh negara China itu.

KELAPA SAWIT—MINAT PEKEBUN KECIL

2. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah sebab pekebun kecil lebih berminat menanam ketapa sawit dari getah apabila mereka menanam semula.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa faktor yang mendorong para pekebun kecil berminat menanam

semula getah tua mereka kepada kelapa sawit. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

(1) **Pendapatan**

Pendapatan daripada kelapa sawit lebih lumayan iaitu lebihkurang \$285 sehektar sebulan, manakala getah \$110 sehektar sebulan dan competitionnya berasaskan kepada pendapatan bagi kelapa sawit yang berdasarkan kepada hasil 18 metrik tan buah tandan baru atau FFB sehektar setahun didarabkan dengan purata harga tahun 1985 sebanyak \$950 satu metrik tan, tolak 20% kos pemerosesan dan kemudian dibahagi dengan 12 bulan, iaitu 18 metrik tan dan jawabnya \$285 sebulan. Pendapatan bagi getah pula ialah berdasarkan kepada hasil 1,000 kilogram sehektar setahun didarabkan dengan purata harga tahun 1985 sebanyak 132 sen purata harga yang diperolehi oleh pekebun kecil satu kilogram dan dibahagi dengan 12 bulan.

(2) **Tenaga Kerja**

Keperluan tenaga kerja lebih rendah dan senang diperolehi.

(3) **Masa Bekerja**

Masa bekerja lebih singkat dan ia tidak mengira keadaan cuaca.

(4) **Pulangan Hasil**

Kelapa sawit dapat mengeluarkan hasil dalam lingkungan 3 tahun sahaja sedangkan getah sekurang-kurangnya memerlukan 5Vi tahun sebelum dapat menikmati hasilnya.

(5) **Pemulihan Tanaman**

Didapati pokok kelapa sawit lebih tahan ditenggelami air dan

segera pulih apabila air kering kembali. Begitu juga ia cepat pulih sekiranya mengalami kebakaran yang tidak begitu teruk.

(6) Kerja Sampingan

Perusahaan tanaman kelapa sawit membolehkan peserta menjalankan kerja-kerja sampingan kerana mereka mempunyai masa lapang yang banyak.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memberatkan kelebihan-kelebihan keistimewaan kepada kelapa sawit. Adakah pihak Menteri sekarang ini akan menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menanam kelapa sawit tetapi bukan getah?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, di bawah agensi-agensi FELDA dan FELCRA kita memang dari segi peratusan banyak kepada sawit. Dari segi RISDA iaitu Pihak Berkuasa Tanaman Semula Getah, apabila seseorang pekebun kecil tanam semula dengan sawit dan tanam semula dengan sawit 25 tahun kemudiannya tidak dapat lagi bantuan. Maka dari segi itu RISDA tidak menggalakkan. RISDA memang menggalakkan tanam semula dengan getah tetapi dengan cara-cara atau kaedah-kaedah yang lain iaitu dengan mini estet dan sebagainya.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri pihak Kementerian adakah menggalakkan pekebun-pekebun kecil mempelbagaikan tanaman seperti koko kerana menanam koko akan mencapai pendapatan yang lumayan?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, kita dari segi agensi-agensi tertentu

penggalakkan pelbagaian tanaman ini ada kriteria-kriterianya, tetapi ada juga agensi-agensi yang khusus untuk menentukan ataupun mengendalikan satu jenis tanaman. Seperti yang saya katakan tadi RISDA, iaitu RISDA merupakan Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Getah, maka galakan kepada getah. Tetapi dari segi agensi yang lain penggalakan untuk mempelbagaikan tanaman dibuat atas beberapa kriteria, antaranya kesesuaian tanah, kesesuaian cuaca dan sebagainya. Seperti misalnya koko, memang tanah yang terdapat di Semenanjung Malaysia agaknya kurang baik, lebih merupakan, dengan izin, marginal soil, jika dibandingkan dengan Sabah dan kita dapati bahawa kebanyakan tanah-tanah di Semenanjung Malaysia lebih sesuai untuk tanaman sawit terutama sekali di sebelah selatan yang mana lebih banyak hujan dan di bahagian utara Semenanjung, oleh kerana kurang hujan, maka sawit tidak ditanam.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu sama ada terdapat tanaman-tanaman lain yang boleh menggantikan kelapa sawit dan getah oleh kerana kedua-dua barang ini sekarang sudah semakin lama semakin turun harganya juga pada masa akan datang? Kalau ada apa-apa cadangan daripada Kerajaan, adakah boleh dapat subsidi untuk barang itu tolong memberi tahu kepada orang awam.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi tanaman yang sedia ada sekarang, turun naik harga barangan memang biasa kerana pada pokoknya masalah ialah, dengan izin, supply and demand. Kebetulan dari segi sawit harganya turun pada tempoh hari ialah kerana ada lebih daripada bekalan terutama sekali dengan kematangan tanaman di Indonesia di mana Indonesia telah mula membuka banyak

tanah-tanah dengan sawit, tetapi pada hari ini harga nampaknya mula naik. Pada hari ini \$740 jika dibandingkan sebulan lalu \$650 purata setan.

Getah memang kita menghadapi masalah harga yang statik. Masalah ini ialah kerana Stok Penimbal INRO mempunyai 'overhang' yang begitu besar, 400,000 tan lebihkurang dan pihak kita masih cuba berunding terhadap memperbaiki ataupun meningkatkan harga lantai (floor price) yang berasaskan kepada kos penghasilan 150 sen sekilo, manakala pekebun kecil atau Persatuan Pekebun Kecil (PPKN) mendakwa bahawa kos sudah meningkat \$2.10, manakala pihak ladang swasta kos \$1.90. Itu sendiri telah menunjukkan bahawa harga lantai (floor price) \$1.50 adalah terlalu rendah untuk menentukan 'may buy' dan 'must buy' band dalam INRO. Apatah lagi dengan 'overhang' yang begitu besar dari segi ini yang menentukan harga. Jadi, dari segi kedua-dua tanaman ini iaitu getah dan sawit, keyakinan Kerajaan terhadap kedua-dua tanaman ini masih ada, walaupun harganya turun naik begitu kerap dan Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan tanaman-tanaman yang lain yang telah pun kita cuba, dan telah kita hasilkan secara komersial seperti koko telah kita mula.

Tebu telah kita buat, bahkan di kawasan FELDA sendiri iaitu di Chuping yang telah lama kita buat dan kita juga sedang meninjau tanaman-tanaman komersial yang lain yang dapat membantu meningkatkan tahap pendapatan pekebun-pekebun kecil dan juga masyarakat luar bandar. Selalunya kajian mula-mula dibuat oleh MARDI, kemudian apabila sudah maju dan mula commercial scale, dengan izin, maka diserahkan kepada agensi-agensi tertentu. Seperti koko kini sudah pun Kerajaan menubuhkan satu agensi penyelidikan yang khusus untuk mendokong koko sebagai satu commercial crop, dengan izin, yang boleh berjaya seperti juga dengan

getah dan sawit yang ada khidmat sokongannya masing-masing seperti FRIM bagi getah, PORIM bagi sawit dan koko kini sudah ada research ataupun agensi penyelidikan untuk menyokong bukan sahaja dari segi basic research, bahkan dari segi individual research juga yang telah dibuat untuk semua tanaman-tanaman komersial.

PENCEN TENTERA BRITISH WARGANEGARA MALAYSIA

3. Lt Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada rakyat Malaysia (Local Enlisted Personnel) menerima pencen yang jauh lebih rendah daripada pencen yang diterima oleh pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk menolong mereka-mereka yang terlibat mengatasi masalah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memanglah sedar bahawa pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada warganegara Malaysia menerima pencen lebih rendah daripada pencen yang diterima oleh pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia. Pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada warganegara Malaysia adalah di bawah bidangkuasa, peraturan dan undang-undang pencen Kerajaan British dan pembayaran pencen mereka adalah dibuat oleh Kerajaan British. Di sebabkan pembayaran pencen mereka ini bukan dibuat di bawah Akta Pencen Angkatan Tentera Malaysia, Kerajaan tidaklah mempunyai kuasa untuk menaikkan atau menyamakan pencen yang diterima oleh pesara Angkatan Tentera Malaysia dengan pencen yang diterima oleh pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada warganegara Malaysia.

Saya difahamkan bahawa bayaran pencen pesara-pesara Tentera-tentera British yang terdiri daripada rakyat Malaysia seramai 704 pesara telah pun dinaikkan dalam bulan Mei, 1983 dan telah berkuatkuasa kebelakangan mulai 1hb Julai, 1980.

KERETAPI TANAH MELAYU DISWASTAKAN

4. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Keretapi Tanah Melayu memperolehi keuntungan dan bilakah ia akan diswastakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa Keretapi Tanah Melayu belum lagi memperolehi keuntungan. Ini adalah kerana Keretapi Tanah Melayu lebih mengutamakan perkhidmatan kepada orang ramai. Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk menswastakan sistem keretapi baru yang sedang dirancangan. Sungguhpun demikian, usaha-usaha telah dijalankan untuk menawarkan kepada pihak swasta beberapa operasi dan kerja-kerja tertentu KTM yang ada sekarang, khususnya membersihkan koc keretapi, mengubati kayu-kayu landasan keretapi dan membarui landasan keretapi.

Datuk Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang Berhormat Menteri telah menyebut fasal landasan, saya ingin menanya, apakah sebabnya keretapi selalu tergelincir, terjatuh. Adakah disebabkan kayunya sudah reput ataupun landasan tidak boleh digunakan lagi, selalu tergelincir. Ini soalan saya, apakah sebabnya, kalau Yang Berhormat tahulah. Kalau tidak tahu, itu terpulanglah (*Ketawa*).

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab ialah kerana landasan dan yang

lain itu merupakan sebab koc yang sudah lama dan juga kayu-kayu pengalasnya yang lama.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah menyebutkan sistem keretapi baru, jadi saya ingin bertanya, apakah maksud Yang Berhormat berkenaan dengan sistem keretapi baru ini dan bilakah sistem ini akan diswastakan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sistem keretapi baru yang dimaksudkan ialah sistem keretapi Pantai Timur sedang dalam pertimbangan Kerajaan. Dan kajian kemungkinan untuk membina sistem keretapi baru itu telah pun selesai tetapi Kerajaan belum lagi habis membuat kajian terperinci. Jadi, keputusan untuk melaksanakan belum ada kepastian.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Yang Berhormat, sebentar tadi menyatakan sebab keretapi ini kerap tergelincir adalah disebabkan oleh koc lama dan sleeper itu lama, dengan izin, ataupun pelapik itu lama. Jadi, kenapakah Kementerian tidak menukar benda-benda yang menyebabkan kemalangan-kemalangan keretapi itu?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Adalah tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu membaiki kerana setakat ini kita telah menukar 200,000 landasan (sleepers) yang telah kita ubah dan sejauh 126 kilometer landasan yang telah kita perbaiki. Dan usaha ini sedang berjalan dari masa ke semasa.

FELDA—MASYARAKAT GENERASI MUDA

5. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mehyatakan apakah bentuk program jangka panjang FELDA untuk menyusun masyarakat generasi kedua FELDA mulai dari sekarang.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, FELDA memang menyedari akan hakikat bahawa golongan Generasi Kedua ini dapat memainkan peranannya dalam membangunkan FELDA. Menyedari akan hakikat inilah maka program jangka panjang telah diatur dan disediakan meliputi bidang-bidang pertanian, pembangunan sosial, pelajaran dan perusahaan.

Sebagai langkah jangka panjang di bidang pelajaran, FELDA telah menyediakan kemudahan-kemudahan asrama, pemberian dermasiswa dan taman didikan kanak-kanak atau Tadika.

Peluang-peluang latihan di bidang kemahiran juga diberi bagi melengkapkan diri anak-anak peneroka dengan kemahiran tertentu bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dan berdikari.

FELDA juga mengambil langkah-langkah yang positif bagi menyusun kegiatan ekonomi bagi menampung kehidupan generasi kedua dengan membangunkan beberapa kawasan penempatan FELDA untuk dijadikan pusat-pusat pertumbuhan.

CUKAI JUALAN/EKSAIS— PENYELEWENGAN

6. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Kewangan inenytakan oleh kerana menurut perangkaan, cukai jualan dan eksais dijangka sebanyak 14% pada tahun 1985, bolehkah Kementerian memberitahu jumlah kes-kes penyelewengan yang berkaitan dengan cukai jalan dan eksais ini bagi tempoh 1984 sehingga September 1985; jika ada, apakah tindakan tegas telah dan sedang diambil oleh pihak penguatkuasa undang-undang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes penyelewengan

yang dikesan berkaitan cukai jualan dan cukai eksais bagi tahun 1984 dan Januari—September 1985 ialah:

	1984	Jan. - Sept. 1985
Cukai jualan . . .	540 kes	590 kes
Cukai eksais . . .	102 kes	100 kes

Tindakan yang diambil oleh pihak penguatkuasa, iaitu Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja atas penyelewengan ini ialah:

- (a) menuntut jumlah cukai yang kurang dibayar oleh pihak berkenaan;
- (b) mengenakan kompaun ataupun mendakwa pihak berkenaan di Mahkamah, bergantung kepada kesalahan yang dilakukannya dianggap berat ataupun tidak.

TOL DI JALAN RAYA

7. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk mengutip tol sahaja di jalan-jalan raya tanpa mengenakan cukai-cukai jalan (road tax) memandangkan pengguna-pengguna jalan raya sekarang dibebankan dengan cukai jalan raya yang tinggi dan kutipan tol di meratarata tempat; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, sukalah dimaklumkan bahawa tujuan Kerajaan mengenakan cukai jalan dan tol adalah berbeza. Tujuan mengenakan cukai jalan adalah untuk hasil negara, manakala cukai Tol pula adalah untuk tujuan yang tertentu iaitu untuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan raya Persekutuan. Memandangkan apa yang tersebut di atas, Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengkaji dan mengenakan kutipan tol sahaja di jalan-jalan raya tanpa mengenakan cukai jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Jawapan Yang Berhormat menyatakan bahawa cukai itu berbeza dan tujuannya berbeza. Kita maklum, satu adalah untuk hasil am, satu lagi untuk jalan raya, tetapi yang membayar adalah orang sama. Orang yang menggunakan jalan yang dikenakan tol terpaksa membayar tol, dia juga terpaksa membayar cukai jalan. Alangkah lebih baik dan senang untuk semua menerima kalau sekiranya Kerajaan terima sahaja bahawa mengenakan tol adalah cara yang paling mudah untuk memungut hasil dan sebahagian daripada membiayai pembinaan lebuh raya-lebuh raya di negara kita ini.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian sedar bahawa dengan adanya beban dua kali ganda ini berlaku tidak adil dari segi equity, dengan izin, kalau sekiranya kita bandingkan dengan penggunaan-pengguna jalan raya dengan sektor-sektor yang lain, perkhidmatan Kerajaan yang lain.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan yang dikenakan kutip Tol bagi peringkat sekarang ialah lapan kawasan sahaja. Dan ini tidaklah akan memberikan kesusahan kepada rakyat jelata oleh kerana jalan-jalan yang kena Tol pun bukan digunakan oleh semua rakyat. Kalau kita menengok atau memeriksakan hasil yang dikutip oleh melalui kutipan Tol untuk tahun 1984, hanya \$21.5 juta. Dan ini pun barangkali tidak cukup untuk membayarkan faedah untuk modal yang telah digunakan untuk membina jalan-jalan yang dikenakan mengutip tol. Tetapi untuk kutipan cukai jalan untuk tahun 1984, Kerajaan Persekutuan mengutip \$567.6 juta dan wang ini digunakan untuk pembangunan negara seluruhnya dan juga untuk membina jalan-jalan di luar bandar.

HELIKOPTER BUATAN INDONESIA—PEMBELIAN

8. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia bercadang membeli helikopter dari negara Indonesia kerana negara tersebut sedang mengeluarkan helikopter sekarang ini. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya pembelian peralatan dan kelengkapan Angkatan Tentera termasuklah pembelian pesawat terbang, Kerajaan tidak terikat dengan mana-mana negara tertentu. Satu-satu pembelian dibuat adalah berdasarkan kepada beberapa faktor yang tertentu, seperti keperluan, kesesuaian harga, jaminan bekalan dan juga dari segi kemampuan negara.

Buat masa sekarang, Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk menambahkan jumlah helikopter yang sedia ada. Sekiranya keperluan untuk membeli helikopter timbul kelak, Kerajaan akan menimbang helikopter buatan Indonesia, jika ianya memenuhi keperluan operasi, spesifikasi dan prestasi yang berkenaan.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu bilakah Malaysia akan mengeluarkan helikopternya sendiri, kalau tak boleh, apakah masalahnya. Bolehkah kita sendiri buat helikopter dalam negara kita?

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan pada suatu hari kelak, Malaysia akan mempunyai keupayaan membuat helikopternya sendiri.

**JAMBATAN PULAU PINANG—
PENGAWASAN**

9. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilangan alat-alat kemudahan awam seperti telefon yang dipasang di Jambatan Pulau Pinang yang dimusnahkan dan sama ada mereka yang bertanggungjawab telah ditangkap dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memberhentikan perbuatan nakal ini.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebanyak 12 telefon dan 12 alat pemadam api yang dipasang di sepanjang Jambatan Pulau Pinang telah pun dicuri dan bukan dimusnahkan. Mereka yang bertanggungjawab mencuri alat-alat tersebut masih belum dapat diketahui. Walau bagaimanapun, laporan Polis telah pun dibuat.

Lembaga Lebuhraya Malaysia akan menubuhkan satu Unit Penguatkuasaan Lebuhraya yang dijangka akan berfungsi pada awal bulan Januari, 1986 untuk di antara lain membuat rondaan di sepanjang Jambatan Pulau Pinang bagi memastikan tiada kecurian ataupun kemusnahan, dengan izin, 'vandalism' ke atas harta-harta Lembaga Lebuhraya Malaysia yang terdapat di jambatan tersebut.

Sementara menunggu unit tersebut beroperasi pihak Polis telah diminta untuk melakukan rondaan yang lebih kerap di jambatan tersebut untuk memastikan kecurian dan kemusnahan tidak berulang lagi.

**UCAPAN PERDANA MENTERI
TERHADAP DASAR
APARTHIED**

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi dunia

umumnya terhadap ucapan tegas dan pedas Perdana Menteri yang menyelar dasar Apartheid (Afrika Selatan) di Persidangan Negara-negara Komanwel di Bahamas baru-baru ini. Apakah pandangan Perdana Menteri terhadap sikap Britain serta lain-lain negara pendokong Regim Afrika Selatan itu akan berubah selepas mendengar resolusi Persidangan tersebut.

10-12-85

8. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada isu-isu yang dibangkitkan oleh Malaysia dalam persidangan Ketua-ketua Kerajaan negara-negara Komanwel di Nassau Bahamas telah mendapat perhatian atau sambutan dan sama ada cadangan-cadangan untuk merobohkan masalah apartheid yang menekan masyarakat kulit hitam di Afrika Selatan telah direstui dan diambil tindakan lanjut.

16-12-85

28. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan sekatan ekonomi yang akan dikenakan terhadap Afrika Selatan, iaitu sehingga memaksa rejim Pretoria menghapuskan dasar Aparteidnya terhadap kulit hitam dalam persidangan pemimpin-pemimpin Komanwel di Nassau, Bahamas baru-baru ini.

17-12-85

15. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan keluar daripada Komanwel jika tindakan tegas untuk memulaukan Afrika Selatan tidak diambil oleh pertubuhan tersebut mengenai dasar Apartheid.

18-12-85

23. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Persidangan ketua-ketua Kerajaan Komanwel baru-baru ini ada memberi faedah yang berkesan kepada Malaysia. Jika ada, nyatakan kesan-kesan yang penting setakat ini sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

10-12-85

23. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah benarnya kejudahan Komanwel tidak dapat memainkan peranan yang positif dan tidak dapat pula memberi faedah kepada negara anggotanya dan sekiranya keadaan yang sedemikian berterusan apakah tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak Malaysia sebagai anggotanya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan-soalan yang lain yang mana ada kaitannya dan juga tujuannya yang sama iaitu soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat Senator Kee Yong Wee pada 10hb Disember, Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam pada 16hb Disember, Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah pada 17hb Disember, Yang Berhormat Senator Abdul Hamid Ibrahim pada 18hb Disember dan Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood pada 19hb Disember kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah bertujuan yang sama.

Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas daripada 16hb-19hb Oktober, 1985 baru-baru ini telah mendapat sambutan yang baik

daripada pemimpin Komanwel yang lain kerana ini merupakan kali pertamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyertai mesyuarat tersebut sejak menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Mereka percaya bahawa dengan penyertaan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikenali ramai sebagai seorang pemimpin yang dinamik akan dapat menyumbangkan pendapat-pendapat yang konstruktif dan berkesan untuk memperkukuhkan lagi pertubuhan Komanwel ini.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Mesyuarat di Nassau itu, tajuk-tajuk utama yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merujuk kepada masalah genting mengenai dasar apartheid Rejim Afrika Selatan dan keadaan kemerosotan ekonomi dunia yang telah mengakibatkan kebanyakan negara-negara membangun menderita.

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berterus-terang dan tegas itu terutama mengenai Rejim Afrika Selatan di mana beliau telah menggesa supaya ahli-ahli Komanwel mengambil tindakan sekatan ekonomi yang berkesan untuk memaksa Rejim Afrika Selatan menghapuskan dasar apartheidnya itu telah dialu-alukan oleh deligasi-deligasi yang hadir kecuali sebilangan yang kecil.

Di antara sekatan-sekatan ekonomi yang disetujui dikenakan kepada Afrika Selatan termasuklah mengharamkan pinjaman kewangan Kerajaan kepada Afrika Selatan, import-import dari Afrika Selatan, penjualan dan eksport minyak kepada Afrika Selatan serta pengharaman import bahan-bahan senjata, peluru dan alat tentera daripada negara berkenaan.

Jika sekatan-sekatan ekonomi yang dicadangkan ini tidak memberi kesan dalam tempoh 6 bulan, pemimpin-pemimpin Komanwel juga bersetuju mengambil langkah-langkah tambahan yang lebih tegas. Langkah-langkah tambahan ini termasuklah mengharamkan hubungan udara dengan Afrika Selatan, pengharaman pelaburan baru dan import hasil pertanian, larangan ke atas kontrak Kerajaan dengan Afrika Selatan dan menamatkan pelancongan ke negara berkenaan.

Malaysia buat masa ini tidak berhasrat untuk keluar dari Komanwel. Malaysia berpendapat, demi untuk faedah bersama ahli-ahlinya, pertubuhan tersebut perlulah mengubahsuai tindakan-tindakannya ini agar Pertubuhan ini dapat memberi faedah kepada ahli-ahlinya terutama ahli-ahlinya di kalangan negara-negara yang kurang maju.

Sebagai Ahli Komanwel, Malaysia akan sentiasa memberi sumbangannya demi untuk kebaikan dan kemajuan Pertubuhan tersebut. Malaysia berpendapat Pertubuhan Komanwel ini merupakan satu organisasi yang mempunyai potensi dalam kerjasama perbagai hala. Walau bagaimanapun, kerjasama ini dapat dijalinan sekiranya Komanwel berkembang mengikut arah perubahan semasa.

Malaysia ingin melihat Komanwel memberi perhatian yang lebih kepada negara-negara yang sedang membangun dan memberi kerjasama dan bantuan dalam pembangunan sosio ekonomi bagi menjadikan keahliannya lebih bermakna. Ini sejajar dengan objektif Komanwel yang ingin mencapai keamanan, kemajuan, kesejahteraan bagi ahli-ahlinya.

Dalam hal ini, Malaysia ingin melihat negara-negara maju dalam Komanwel khususnya Britain dapat

menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial lain-lain anggota Komanwel.

Selain daripada soal hangat mengenai isu Afrika Selatan, deligasi kita juga dapat membentangkan masalah-masalah politik antarabangsa yang ada kaitan dengan Malaysia seperti Kampuchea, Atghanistan dan Timur Tengah dan kita telah menonjolkan isu kemerosotan ekonomi dunia di mana kita telah menggesa negara-negara maju dalam pertubuhan Komanwel untuk bertukar sikap negatif dan penghalangan mereka itu supaya keadaan ekonomi yang sempit yang dihadapi oleh negara-negara membangun sekarang dari segi penurunan harga bahan-bahan mentah dan penghalangan-penghalangan dalam perdagangan antarabangsa dapat dipulihkan untuk faedah bersama.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: Soalan tambahan. Kita dengar daripada bunyi resolusi, kalau 50% dilaksanakan oleh negara-negara ahli dalam organisasi itu, seminggu lagi Kerajaan pemerintahan Afrika Selatan boleh tutup, tetapi sejauh manakah pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, resolusi itu akan dipatuhi dan adalah ia boleh memberi kesan, memandangkan negara Britain sendiri adalah negara yang boleh dikatakan mirip, terlampau mirip untuk menyokong dan mendokong rejim Apartheid di Afrika Selatan itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa kalau 50% dari resolusi yang ditetapkan dapat dilaksanakan, maka sudah tentu ini akan membawa kesan yang baik mengenai tujuan kita itu.

Tetapi sebagaimana yang kita tahu, negara-negara Komanwel adalah negara-negara yang merdeka dan oleh sebab itu kita tidaklah boleh memaksa

mereka melaksanakan dasar ini, kecuali kita berharap dengan adanya resolusi ini terdapat satu, persuasive authority supaya mereka dapat sedikit sebanyak memberi kerjasama.

Walau bagaimanapun dalam enam bulan lagi kita akan menimbangsemula tentang kemungkinan diperketatkan lagi usaha-usaha tersebut, Sekurang-kurangnya dengan adanya resolusi ini kita telah pun dapat mengadakan tekanan yang lebih hebat terhadap rejim apartheid itu mengenai opinion antarabangsa yang mana memang mengutuk dasar tersebut.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, soal sekatan ekonomi yang akan dikenakan kepada Afrika Selatan iaitu Malaysia adalah salah satu negara yang menyuarakan supaya mengenakan sekatan ekonomi ke Afrika Selatan kerana berdasarkan perbezaan kulit ini tadi.

Setengah-setengah negara Commonwealth ini pula tidak bersetuju dengan sekatan ekonomi. Jadi bagi pandangan saya adakah sekatan ekonomi ini kepada Afrika Selatan akan dapat menolong rejim Apartheid di Afrika itu dapat memulihkan semula dan jika dikenakan sekatan ekonomi, adakah rejim kulit putih ini yang akan mengalami penderitaan ataupun orang kulit hitam di Afrika Selatan yang akan mengalami penderitaan, sedangkan orang kulit hitam di Afrika Selatan adalah orang yang lebih tertindas dan hidup dalam keadaan kemiskinan, dan orang yang berkulit putih yang memegang tajuk ekonomi, memerintah dan mempunyai kemudahan dan sebagainya?

Jika enam bulan sekatan ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan siapakah yang menderita, orang kulit putih atau orang kulit hitam, itu soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contoh perang Dunia Kedua, bila Tentera Bersekutu hendak mengalahkan Jepun mereka sekat semua bekalan-bekalan minyak, bekalan makanan kepada Malaya waktu itu, kepada Borneo waktu itu supaya Jepun tidak dapat memberi bekalan beras kepada orang Malaya, orang Borneo, orang mana-mana yang dijajah oleh Jepun, rakyat dalam negeri itu marah kononnya Jepun yang tidak boleh beri bekalan, tetapi hari ini Jepun baik kerana siapa yang menyekat ialah Tentera Bersekutu. Jadi adakah sikap dan amalan sekatan ekonomi pada masa sekarang ini boleh diperlakukan? Tidak adakah cara lain yang negara kita Malaysia boleh membuat satu cara penyelesaian bagaimana rejim apartheid di Afrika Selatan ini boleh cari satu penyelesaian yang lain?

Jadi soalnya sekarang bila sekatan ekonomi, orang kulit hitam akan menderita, bukannya orang kulit putih di dalam Afrika Selatan. Itu sahaja.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, itu sedikit sebanyak itu adalah suara Margaret Thatcher, dari sudut belakang rupanya pun macam Margaret Thatcher (*Ketawa*).

Itu adalah pandangan setengah-setengah negara membangun yang jadi Ahli Commonwealth iaitu kalaulah dikenakan sekatan ekonomi, maka yang akan lebih menderita adalah orang-orang kulit hitam yang mana kita memang bertujuan untuk menolong. Tetapi sebagaimana yang telah Perdana Menteri kita menyatakan dalam ucapan beliau dalam Persidangan tersebut kenapa hendak membangkitkan soal orang-orang kulit hitam akan menanggung penderitaan, oleh sebab mereka sudah pun menanggung penderitaan sekian lama dan sedang menanggung penderitaan sekarang ini. Jadi sedikit sebanyak jawapan saya. Saya rasa kalau semua bersatu padu dan dikenakan sekatan

ekonomi terhadap rejim tersebut, sungguhpun orang-orang kulit hitam akan sedikit sebanyak menanggung penderitaan dari segi jangka pendek tetapi sudah tentu ia akan berkesan untuk menurunkan Kerajaan tersebut.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau 50% Ahli-ahli dalam Commonwealth tidak kerjasama, memang perkara ini tidak jadi. Apakah faedah kita menjadi Ahli Commonwealth, apakah sebab kita ada dalam Commonwealth, tidak ada faedah apa-apa dan resolusi yang kita bawa pun tidak dapat lulus, tidak dapat dijalankan. Apakah sebab Malaysia mesti duduk dalam Commonwealth? Terima kasih.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal rejim Afrika Selatan adalah merupakan salah satu sahaja isu yang menghadapi Commonwealth. Ada isu yang berbagai-bagai lagi dan dalam isu-isu yang lain pula terdapat banyak juga kemajuan yang mana sedikit sebanyak menguntungkan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh soal-jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

MAS—PENSWASTAAN/SAHAM

11. Datuk Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pengangkutan menyatakan jika Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS diswastakan adakah saham-saham yang dipegang oleh Kerajaan akan ditarik balik atau sebilangan besar saham-saham Kerajaan akan dikedalkan.

Puah Hajjah Rahmah binti Othman: Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun melaksanakan tindakan menswastakan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) baru-baru ini.

Dalam program menswastakan MAS, adalah menjadi tujuan utama dasar Kerajaan untuk melepaskan sebahagian besar daripada saham-saham pegangan dalam syarikat tersebut kepada pihak swasta. Pelepasan saham-saham Kerajaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

Dalam fasa pertama program penswastakan MAS, Kerajaan telah menawarkan 30% modal saham syarikatnya untuk dijual kepada sektor swasta. Selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru, 10% dari jumlah ini telah diperuntukkan khas kepada institusi-institusi Bumiputera yang diluluskan oleh Kerajaan. Di samping itu, 5% lagi telah ditawarkan kepada kakitangan MAS. Saham-saham yang baki telah pun dijual kepada orang ramai.

Kerajaan akan melaksanakan fasa dua program penswastakan MAS pada satu masa yang sesuai kelak dengan tujuan untuk mengurangkan lagi pegangan modal sahamnya dalam syarikat tersebut.

RINGGIT—MENURUNKAN NILAI

12. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan menimbang untuk menurunkan nilai ringgit bagi menggalakkan eksport serta mengurangkan kemelesetan ekonomi.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan nilai ringgit bagi menggalakkan eksport serta mengurangkan kemelesetan ekonomi. Penurunan nilai

ringgit tidak semestinya menghasilkan penambahan eksport dan mengurangkan kemelesetan ekonomi. Ini adalah kerana eksport kita merupakan barangan-barangan yang bergantung kepada pertumbuhan pengeluaran di ekonomi negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah Barat. Jika pertumbuhan pengeluaran tinggi, permintaan terhadap barang-barangan Malaysia pun meningkat, begitu juga sebaliknya.

Selain daripada itu penurunan nilai ringgit akan mengakibatkan harga-harga import kita meningkat. Ini akan menghasilkan aliran keluar tukaran asing yang lebih banyak untuk membayar import-import. Beban pembayaran hutang negara juga akan bertambah jika Kerajaan menurunkan nilai ringgit sementara perbelanjaan untuk pengangkutan dan perjalanan keluar negeri serta pembayaran yuran bagi penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut juga akan meningkat.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

13. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa golongan-golongan yang berpendapatan rendah masih mengalami banyak masalah untuk memperolehi rumah-rumah awam kos rendah dan jika sedar adakah beliau mempunyai sebarang rancangan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Kerajaan sememangnya sedar bahawa golongan-golongan rakyat yang berpendapatan rendah di negara ini masih mengalami banyak masalah untuk memperolehi rumah awam kos rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan telah merancang

dan melaksanakan berbagai-bagai program untuk memenuhi keperluan perumahan mereka.

Untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi bagi golongan ini, Kerajaan memainkan peranan aktif dalam penyediaan perumahan awam kos rendah di bandar-bandar utama dan pinggir bandar. Di samping itu beberapa Agensi Kerajaan Persekutuan dan Lembaga Kemajuan Wilayah adalah terlibat dalam penyediaan perumahan kos rendah untuk peneroka-peneroka tanah rancangan di kawasan luar bandar dan pusat-pusat pertumbuhan yang baru. Sektor swasta pula telah diminta menyumbang sebanyak 30%-50% daripada keseluruhan unit rumah yang mereka bina sebagai rumah kos rendah. Sehubungan dengan ini, program/sasaran rumah kos rendah yang sesuai telah pun dirancang di bawah tempoh Rancangan Malaysia Keempat seperti berikut:

<i>Program</i>	<i>Sasaran</i>
(i) Perumahan Awam Kos Rendah	176,500 unit
(ii) Perumahan Agensi-agensi Pembangunan Tanah Kerajaan Persekutuan dan Wilayah	110,010 unit
(iii) Perumahan Kos Rendah Pemaju Swasta	90,000 unit

Rumah kos rendah yang dibina di bandar adalah untuk disewa kepada golongan yang berpendapatan rendah, iaitu yang berpendapatan tidak lebih daripada \$750/- sebulan. Projek-projek ini dibiayai oleh MBSB melalui pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dengan kadar faedah 7% setahun. Manakala MBSB pula akan meminjamkan pinjaman berkenaan kepada peminjam yang layak pada kadar faedah 9% setahun untuk tempoh pinjaman selama 25 tahun, dengan diberi pilihan untuk membeli setelah menyewa rumah berkenaan secara berterusan selama 10 tahun.

Untuk perancangan masa hadapan, penyediaan perumahan kos rendah akan terus diberi tumpuan oleh Kerajaan bagi memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan rendah di negara ini. Di antara strategi yang akan dilaksanakan ialah skim pertapakan dan kemudahan di kawasan luar bandar, meninggikan kepadatan di kawasan bandar dan meneruskan Skim Pinjaman Khas melalui bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan.

PERDAGANGAN/PELABURAN KE CHINA

14. Tuan KeeYongWee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian beliau telah menggubalkan strategi-strategi baru untuk merebut peluang perdagangan dan pelaburan yang luas di Negeri China jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang sentiasa mengkaji, mengenalpasti dan menyusun strategi-strategi tertentu untuk memberi peluang kepada peniaga dan pengusaha Malaysia merebut peluang perdagangan dan ekonomi yang banyak, hasil daripada pelaksanaan rancangan permodenan ekonomi dan Pintu Terbuka (Open Door Policy) yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan RRC pada masa ini.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke RRC baru-baru ini satu perjanjian perdagangan terus di peringkat swasta telah diadakan antara kedua-dua belah pihak. Perjanjian ini merupakan satu kejayaan kita untuk mengeratkan lagi hubungan perdagangan antara kedua-dua pihak, di samping membuka peluang bagi penglibatan lebih banyak

pedagang dan pengusaha Malaysia menerokai peluang perdagangan dan perniagaan di RRC,

Kerajaan juga telah memberi kelonggaran kepada pedagang dan pengusaha Malaysia yang ingin melawat ke RRC bagi tujuan mencari peluang perniagaan dan perdagangan.

Kementerian saya telah merancang beberapa strategi untuk membantu pelabur-pelabur Malaysia dan sedang mengkaji kemungkinan untuk memperluaskan dan meningkatkan lagi bantuan kepada pelabur-pelabur Malaysia.

Pada masa ini, Kerajaan kita sedang berusaha untuk menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Kerajaan Negeri China. Perjanjian Cukai Dua Hala telah pun ditandatangani. Tujuan perjanjian-perjanjian ini adalah untuk melindungi pelaburan Malaysia di Negeri China dan juga untuk memberi kepada pelabur-pelabur Malaysia segala kelebihan untuk bertanding di Negeri China.

Kegiatan merebut peluang pelaburan akan diperhebatkan lagi terutama sekali kemungkinan mendirikan kilang-kilang yang menggunakan sumber-sumber asli Malaysia seperti getah.

JAMBATAN SUNGAI LIPIS— MEMPERBAIKI

15. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Rancangan Kerajaan untuk membaiki jambatan Sungai Lipis yang terletak di kawasan Benta, Daerah Lipis, Pahang memandangkan jambatan itu adalah dalam keadaan bahaya disebabkan telah ada notis diletakkan berhampiran dengan jambatan tersebut iaitu hanya sebuah kereta sahaja boleh lalu pada satu masa.

Dato' S. Samy Vellu: Tawaran untuk membaiki jambatan Sungai Lipis yang terletak di kawasan Benta, Daerah Lipis, Pahang yang berharga lebih kurang \$487,000. Telah pun dipelawa pada 3 Oktober 1985 dan tutup pada 24 Oktober 1985, dan tawaran itu akan dipertimbangkan dalam sedikit masa lagi. Adalah dijangka kerja-kerja pembaikan tersebut akan dimulakan pada awal tahun 1986, dan dijangka siap dalam masa lebih kurang 30 minggu.

PELAJAR SARAWAK KE UNIVERSITI TEMPATAN— TAWARAN

16. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan bercadang mengkaji semula dasar untuk menawar lebih banyak tempat kepada pelajar-pelajar kelulusan STPM dari negeri Sarawak, atau mendirikan satu universiti baru di Sarawak untuk menampung mereka, memandangkan kenaikan yuran-yuran pelajaran tinggi dan terhadapnya bilangan pengambilan di negara-negara Australia, England dan lain-lainnya.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kerajaan belum bercadang mengkaji semula dasar untuk menawarkan lebih banyak tempat kepada pelajar-pelajar lulusan STPM dari negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelajar-pelajar ke universiti tempatan adalah berdasarkan kepada syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan oleh universiti-universiti berkenaan.

Buat masa ini Kerajaan juga belum lagi bercadang untuk menubuhkan universiti baru di Sarawak. Walau bagaimanapun untuk memudahkan rakyat Sarawak menerima pelajaran di peringkat kolej dan universiti, Kerajaan telah pun menubuhkan

cawangan-cawangan Institut Teknologi Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia di Sarawak.

ORANG ASLI DALAM JABATAN KERAJAAN

17. Tuan Hassan bin Nam minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan Orang Asli yang bekerja dengan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan termasuk di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang berjawatan kumpulan 'B' ke atas.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Jumlah keturunan Orang Asli yang berkhidmat dengan Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di dalam Kumpulan 'B' ke atas setakat ini adalah seramai 16 orang kesemuanya.

KEMELESETAN EKONOMI NEGARA

18. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kewangan menyatakan tentang keadaan kemelesetan Ekonomi Negara yang sedang dialami sekarang ini dan berapa lamakah kemelesetan ini dijangka akan pulih seperti sedia kala.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kesan kemelesetan ekonomi yang ada di negara kita sekarang ini juga dialami oleh negara-negara lain di dunia ini termasuklah negara-negara perindustrian. Seperti yang saya nyatakan dalam ucapan Belanjawan Ekonomi Malaysia sekali lagi dapat menghadapi kemelesetan pada tahun ini. Pada tahun ini pertumbuhan ekonomi negara dijangka berada pada kadar 5.2% dan 6% pada tahun 1986.

Kemelesetan ekonomi negara akan pulih seperti sedia kala jika keadaan ekonomi dunia sudah pulih.

**PELAJAR MALAYSIA MEN-
DERMA PARTI PEMBANGKANG**

19. Tuan Ahmad bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa terdapat pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut telah menggadaikan barang-barang kemas dan biasiswa mereka untuk menderma bagi membiayai ceramah-ceramah parti pembangkang dan jika sedar, apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk mengubah sikap pelajar-pelajar yang sudah terpesong itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed): Saya tidak sedar dan tidak menerima sebarang laporan berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana pelajar didapati melanggar peruntukan-peruntukan di dalam surat tawaran biasiswa dan juga perjanjian ataupun menyalahgunakan wang biasiswa seperti yang didakwa itu, maka tindakan sewajarnya akan diambil untuk menamatkan biasiswa mereka yang berkenaan.

**KEMPEN BELILAH BARANGAN
BUATAN MALAYSIA—
SAMBUTAN**

20. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah sambutan orang ramai terhadap Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan-soalan yang dikemukakan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang dan Tuan Jaafar bin Harun untuk jawapan mulut pada 18 Disember 1985 dan 19 Disember 1985 masing-masing, Ini ialah kerana soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang

Berhormat ini adalah mengenai perkara yang sama iaitu Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.

Tujuan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia adalah untuk menyedar dan menarik perhatian pengguna-pengguna kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat dan dibekalkan oleh pengeluaran-pengeluaran dalam negeri. Ia juga bertujuan untuk menyedar dan menggalak pengusaha-pengusaha dan pekilang-pekilang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran mereka dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Kempen tersebut diadakan di seluruh negara dengan Kerjasama Kerajaan, sektor swasta dan badan-badan sukarela sama ada di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri. Program yang dijalankan setakat ini merangkumi aspek seranta, promosi dan publisiti, pendidikan dan juga undang-undang dan peraturan. Adalah didapati segala aktiviti kempen yang dijalankan di bawah program-program itu telah berjaya menimbulkan kesedaran orang ramai mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media massa telah menyedarkan kita tentang kempen ini, dan Kementerian saya juga menerima maklumbalas berupa pandangan, ulasan serta cadangan daripada pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan bagi menjayakannya.

Pekilang-pekilang tempatan pula meberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkat mutu keluaran dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan dalam pengeluaran mereka dengan menyertai pertandingan 'Anugerah Barangan Cemerlang' yang dianjurkan oleh Kementerian saya. Sementara itu,

pasaraya-pasaraya atau 'supermarket' di seluruh negara mengadakan promosi dan pasaran barangan buatan Malaysia.

Dari segi pendidikan, iaitu membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan seniangat kebanggaan terhadap barangan tempatan, di kalangan penuntut-penuntut sekolah, suatu pertandingan melukis poster, mengarang esei dan syarahan telah diadakan. Pertandingan tersebut telah dapat membangkitkan kesedaran para penuntut sekolah mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.

Saya percaya sekiranya semua pihak, khususnya industri dan pengguna, memainkan peranan masing-masing dengan sewajarnya, kesedaran umum mengenai pentingnya kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia yang telah ditimbulkan itu pasti akan membawa kepada kesan-kesan positif untuk ekonomi negara.

LUTH—KEJAYAAN

21. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh LUTH di sepanjang Musim Haji tahun lalu (1405H) di dalam urusan Jemaah di Tanah Suci.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Urusan jemaah haji Malaysia tahun ini adalah yang memuaskan sekali sejak beberapa tahun yang lalu, hasil beberapa rundingan di peringkat Kerajaan dan persediaan-persediaan yang telah diadakan sebelum Musim Haji. Jemaah haji Malaysia tahun ini telah dapat menikmati beberapa perubahan dalam kemudahan-kemudahan yang disediakan di tanah suci.

Antara perubahan-perubahan tersebut ialah mengenai pembahagian maktab. Pada tahun ini, jemaah haji Malaysia telah dikhaskan kepada 10 maktab dan tidak bercampur dengan

jemaah haji negara-negara lain. Dengan itu masalah seperti perpecahan keluarga atau kumpulan sebagaimana berlaku tahun lalu tidak lagi berlaku pada tahun ini. Selain daripada itu, pada tahun ini, rumah-rumah penginapan jemaah haji adalah lebih selesa di mana kebanyakannya mempunyai hawa dingin serta bekalan air yang lebih memuaskan dan juga berhampiran dengan Masjidil Haram di Mekah.

Sementara di Madinah pula, hampir ke semua rumah adalah berhawa dingin dan berhampiran dengan Masjidil Nabawi. Selain dari itu, pada tiap-tiap maktab Tabung Haji telah menempatkan pejabat cawangannya bagi memberi perkhidmatan langsung kepada jemaah haji.

Mengenai urusan Tawaf dan Saie bagi jemaah haji yang baru tiba di Mekah, tahun ini pihak Muassassah telah mengaturnya dengan baik dan tidak ada rungutan yang diterima mengenainya.

Urusan di Arafah dan Mina juga tetah berjalan dengan lebih baik walaupun terdapat beberapa masalah pengangkutan yang terbitnya dari kurangnya pengetahuan beberapa orang daripada pemandu-pemandu bus mengenai jalan-jalan di Mina, ditambah pula oleh keadaan kesesakan trafik di kawasan itu. Masalah ini akan dibangkitkan oleh pihak kita dengan Kerajaan Arab Saudi supaya dapat diperbaiki pada tahun hadapan.

Pada keseluruhannya, suka saya menyatakan bahawa kebajikan jemaah haji Malaysia pada tahun ini adalah lebih memuaskan daripada tahun-tahun lepas dan pihak Tabung Haji akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi mutu khidmatnya kepada jemaah haji ditahun hadapan dan tahun-tahun selanjutnya.

**PENYERTAAN KONTRAKTOR
BUMIPUTERA**

22. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa hampir 21 agensi pelaksanaan yang terlibat dalam usaha memastikan penyertaan kontraktor Bumiputera dalam pembangunan negara melalui pemborongan dan tidakkah ini menimbulkan percanggahan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa tugas; dan bantuan-bantuan latihan yang diberikan oleh agensi-agensi pelaksana ini adakalanya tertindih dan tidak selaras.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:

- (a) Saya sedar bahawa mengikut sistem pentadbiran yang diamalkan sekarang, Kementerian-kementerian (yang berjumlah 23 semuanya) diberi peruntukan pembangunan masing-masing dan dengan itu merekalah yang bertanggungjawab dalam urusan tender dan tawaran kontrak kepada pemborong-pemborong termasuk pemborong Bumiputera. Ini jelas dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1984. Sungguhpun demikian, dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ini, agensi-agensi tersebut dikehendaki berpandu kepada kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru bagi memastikan penyertaan kontraktor Bumiputera dalam pembangunan negara misalnya Kerajaan telah menetapkan bahawa 30% daripada peruntukan yang diluluskan kepada setiap agensi dikhaskan untuk dilaksanakan oleh

kontraktor Bumiputera. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan/agensi Kerajaan berkenaan untuk menentukan bahawa dasar itu dilaksanakan. Pihak PUSAKABUMI pula akan menentukan bahawa kontraktor-kontraktor yang berkelayakan sahaja akan diiktirafkan sebagai kontraktor Bumiputera untuk memasuki tawaran-tawaran yang dikhaskan untuk Bumiputera. PUSAKABUMI bersama Kementerian Kewangan akan menyemak setiap tahun tawaran-tawaran kontrak yang diberi oleh masing-masing Kementerian untuk memastikan bahawa peruntukan kontrak kepada pemborong-pemborong Bumiputera dipatuhi selaras dengan tanggungjawab yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6/84. Dengan itu percanggahan tugas di antara agensi-agensi Kerajaan dalam memastikan penyertaan Bumiputera dalam pembangunan negara tidak timbul.

- (b) Rancangan latihan bagi usahawan-usahawan Bumiputera termasuk kontraktor-kontraktor adalah sebenarnya diselenggarakan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, Institut Teknologi MARA dan Pusat Daya Pengeluaran Negara dengan ditampung di mana perlu oleh Kementerian atau agensi yang mempunyai Unit Penyertaan Bumiputera atau Program Pembangunan Usahawan seperti MARA. Walau bagaimanapun, usaha sedang diambil untuk menyelaraskan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh agensi-agensi tersebut melalui

Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Usahawan yang diurusetiaikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan untuk menjamin bahawa rancangan-rancangan latihan diselaras dan dijalankan dengan lebih berkesan.

CUEPACS—TUNTUTAN KENAIKAN GAJI

23. Tuan Haji Mohamed bin Yahya minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil perjumpaan Perdana Menteri dengan yang di-Pertua CUEPACS baru-baru ini mengenai tuntutan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Perjumpaan yang telah diadakan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Pihak Pekerja baru-baru ini telah meredakan ketegangan perhubungan antara Pihak Pekerja dengan Kerajaan. Salah satu hasil daripada perjumpaan itu ialah penubuhan satu Jawatankuasa Bersama, pihak Kerajaan/Pihak Pekerja untuk terus membincangkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan tuntutan pekerja kepada Kerajaan. Dengan perjumpaan itu Pihak Pekerja telah pun membatalkan piket yang telah dijadualkan pada 23hb Oktober, 1985 dan juga mogok umum yang telah dijadualkan pada 15hb Januari, 1986.

KEJARA—PELAKSANAAN

24. Puan Rokian binti Zainuddin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa Sistem KEJARA yang dijalankan adalah baik tetapi pelaksanaannya tidak berkesan kerana kekurangan pegawai penguatkuasa. Apakah usaha Kementerian untuk menambah bilangan pegawai penguatkuasa supaya

pelaksanaan sistem KEJARA akan lebih berkesan, terutamanya sekali di Negeri Kedah.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Pegawai-pegawai penguatkuasa yang terlibat dalam pelaksanaan Sistem KEJARA adalah terdiri daripada pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan anggota-anggota Polis yang menjalankan tugas-tugas menguatkuasakan undang-undang lalulintas jalan. Mereka ini bukannya dihaskan untuk pelaksanaan sistem KEJARA sahaja, tetapi menjalankan juga tugas-tugas penguatkuasaan biasa yang lain. Pada ketika ini laporan-laporan yang dihantar oleh agensi-agensi penguatkuasa berkenaan kepada Urusetia KEJARA mengenai kesalahan-kesalahan pemandu di bawah sistem KEJARA itu adalah memuaskan.

Sukalah saya menyatakan juga bahawa kedudukan kewangan negara pada ketika ini tidak mengizinkan kita untuk menambahkan kakitangan bagi sementara waktu. Walau bagaimanapun, langkah-langkah jangka pendek telah diambil oleh Jabatan-jabatan berkenaan dengan meningkatkan pergerakan atau mobiliti pegawai-pegawai kakitangan mereka. Kejayaan pelaksanaan sistem KEJARA adalah bergantung juga kepada kerjasama mereka yang menggunakan jalan raya, khususnya pemandu-pemandu kenderaan.

DISIPLIN PEGAWAI- PEGAWAI KERAJAAN

25. Tuan Jaafar bin Harun minta Perdana Menteri menyatakan oleh kerana disiplin adalah merupakan satu peraturan yang lengkap bagi mewujudkan suasana yang harmoni terutama sekali dalam perkhidmatan Kerajaan, sejauh manakah keberkesanan disiplin di kalangan Pegawai Kerajaan yang ada sekarang

dan apakah peranan yang ditekankan lagi oleh Kerajaan bagi mengelakkan sikap yang dibenci oleh rakyat semasa mereka bertugas.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Syed Mohammed: Secara keseluruhan disiplin di kalangan kakitangan awam bolehlah dikatakan bertambah. Ini dapat dibuktikan dari berkurangnya jumlah kakitangan awam yang diambil tindakan tatatertib. Namun demikian keadaan sekarang masih boleh diperbaiki. Pelancaran sistem kad perakam waktu adalah merupakan satu cara untuk meningkatkan disiplin kakitangan awam dari segi kedatangan dan kehadiran mereka di pejabat-pejabat. Sementara polisi penyerapan nilai Islam yang ditekankan kepada semua pegawai adalah merupakan satu alat yang paling berkesan bagi menanamkan semangat patuh kepada peraturan dan bertugas secara amanah dan jujur kepada Negara dan rakyat. Jika semua kakitangan awam mengamalkan peraturan yang ditekankan itu khususnya mengamalkan prinsip keugamaan dalam menjalankan tugas, adalah dipercayai bahawa pegawai Kerajaan akan lebih berdisiplin dan bertugas dengan lebih cekap dan amanah.

PROTON SAGA—SABOTAJ JUALAN

26. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa ada pihak subversif telah mensabotaj penjualan kereta Proton Saga dan jika sedar nyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil untuk menjaga kejayaan perusahaan ini.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Setakat ini, tidak ada bukti yang sah bagi menentukan terdapatnya pihak-pihak tertentu yang telah memainkan peranan mensabotajkan kereta Proton Saga.

Walau demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan butir-butir yang sah mengenai pihak-pihak yang dimaksudkan itu, tindakan boleh diambil terhadap perbuatan khianat sedemikian. Pihak Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd (EON) yang bertanggungjawab mengedar kereta Proton Saga sentiasa mengikuti laporan-laporan yang mungkin ada kaitan dengan perkara ini.

Pihak EON sedang mengesan semua kes kerosakan dan kemalangan yang dilaporkan kepada pihak EON yang berlaku di seluruh negara. Eon juga membuat pemeriksaan yang rapi untuk menentukan sama ada ianya adalah berpunca dari kerosakan teknikal ataupun ia dirancangkan oleh pihak-pihak yang hendak mensabotaj kereta nasional kita.

PROTON SAGA—JUALAN

27. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan kereta Proton Saga yang telah dijual sehingga hari ini;
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang mewajibkan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang ingin membeli kereta melalui pinjaman, supaya hanya membeli kereta Proton Saga sahaja;
- (c) langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa alatganti kereta Proton Saga akan senang diperolehi di serata negara ini.

Datuk Dr James P. Ongkili:

- (a) Sehingga hari ini bilangan kereta Proton Saga yang telah dijual adalah sangat menggalakkan. Tetapi oleh kerana persaingan yang sangat hebat dalam penjualan kereta di Malaysia

sekarang ini, maka tidak wajar untuk mengumumkan jumlah jualan-jualan tersebut.

- (b) Kerajaan menggalakkan kakitangan Kerajaan menggunakan barang-barang buatan tempatan termasuklah kereta-kereta keluaran tempatan seperti Proton Saga. Dengan demikian, pada pandangan saya, kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman membeli kenderaan juga mempunyai peranan untuk menyokong industri kereta Malaysia.
- (c) Anak Syarikat Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd atau EON akan sentiasa meningkatkan mutu khidmat lepas jualannya dari semasa ke semasa. Dengan usaha ini adalah dijangka bahawa alatganti kereta Proton Saga akan mudah diperolehi.

POLARISASI MAHASISWA DI UNIVERSITI TEMPATAN

28. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar tentang ujudnya unsur polarisasi antara mahasiswa-mahasiswa berbagai kaum di universiti-universiti tempatan. Jika ada, sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat bagi menghapuskan perkembangan yang tidak sihat ini,

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Polarisasi kaum adalah satu fenomena yang wujud di mana-mana, terutama dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Di Malaysia misalnya, polarisasi boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu dengan izin, "intra-polarisation" yang berlaku di dalam sesuatu kaum itu sendiri dan "inter-polarisation", dengan izin yang berlaku di antara kaum yang berlainan. Tidakkah menghairankan jika terdapat polarisasi kaum di kalangan penuntut-penuntut di negara kita. Walau

bagaimanapun, polarisasi kaum di kalangan penuntut-penuntut kita tidakkah membimbangkan.

Kementerian Pelajaran memang memberi perhatian kepada perkara ini dan sentiasa berusaha untuk mengurangkannya dengan mengadakan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti kegiatan-kegiatan pasukan beruniform, sukan, permainan, kelab dan persatuan. Melalui kegiatan-kegiatan seumpama ini, penuntut-penuntut dari semua kaum akan dapat berinteraksi antara satu sama lain bagi memupuk persefahaman, persahabatan, perasaan tolok ansur dan sebagainya untuk membentuk semangat perpaduan di kalangan mereka.

FELDA—BAYARAN BALIK PENEROKA

29. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) semenjak FELDA memulakan program pembukaan tanah hingga sekarang berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan;
- (b) berapa pula jumlah bayaran balik diterima oleh FELDA dari para peneroka; dan
- (c) jumlah peneroka yang telah menjelaskan hutang FELDA dan telah diberi hak milik tanah masing-masing.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:

- (a) Jumlah kos yang telah dibelanjakan sehingga September, 1985 ialah M\$4,924,173,295. Dari jumlah ini sebanyak M\$1,517,416,416 dibelanjakan untuk Perbelanjaan Pengurusan dan bakinya sebanyak M\$3,406,756,879 untuk Perbelanjaan Pembangunan.

- (b) Jumlah bayaran balik oleh peneroka kepada FELDA ialah M\$741,420,361.
- (c) Seramai 8,456 orang telah menjelaskan hutangnya kepada FELDA. Dari jumlah ini seramai 2,835 orang telah menerima hak milik tanah masing-masing, sementara hakmilik untuk bakinya seramai 5,621 orang masih di dalam proses penyediaannya, dan dijangka dapat diselesaikan dalam tahun 1986 nanti.

DASAR EKONOMI BARU— PELAKSANAAN

30. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Perdana Menteri menyatakan sudahkah Kerajaan membuat kajian mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru terutama dalam kontek yang melibatkan orang Melayu dalam bidang pembangunan di bandar dan di luar bandar. Jika sudah, berapa ramaikah bilangan orang-orang Melayu setakat ini menyertai dalam bidang tersebut. Adakah Kerajaan berpuashati terhadap peranan agensi-agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk memahami masalah dan menawarkan khidmat kepakaran dan kewangan kepada pengusaha-pengusaha muda Bumiputera supaya lebih ramai lagi dapat menyertai bidang tersebut dengan jayanya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sejak pelaksanaan DEB, Kerajaan memang sentiasa menjalankan kajian-kajian tertentu dalam berbagai sektor dan bidang yang bertujuan, antara lain, untuk menilai kemampuan dan kemajuan orang-orang Melayu atau Bumiputera dalam kehidupan di bandar dan di luar bandar. Di samping itu, Kerajaan juga mendapatkan maklumat dan maklum balas dari berbagai agensi-agensi yang berkenaan mengenai pelaksanaan DEB dari masa ke masa. Pada masa sekarang, agensi-agensi Kerajaan sedang giat

menyiapkan dokumen Rancangan Malaysia Kelima (RML) dan dalam proses ini, Kerajaan juga membuat kajian-kajian yang berkaitan sebelum satu-satu dasar, strategi dan program baru diperkenalkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian-kajian yang dibuat ini meliputi juga kaum Bukan Bumiputera dan penduduk-penduduk asing di negara ini.

Mengenai soalan berapa ramaikah orang-orang Melayu yang telah terlibat dalam bidang pembangunan di bandar-bandar dan luar bandar, saya rasa amatlah sukar untuk memberi satu perangkaan yang tertentu. Saya tidak jelas sebenarnya tentang apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dengan 'bidang pembangunan' kerana bidang pembangunan merangkumi berbagai-bagai sektor dan peringkat dalam kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, saya ingiri menegaskan sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen-dokumen perancangan pembangunan lima tahun, Kerajaan berpendapat sebilangan orang-orang Melayu telah pun menyertai seruan Kerajaan dan bersedia mengorak langkah untuk menyertai dalam kegiatan-kegiatan ekonomi sama ada di bandar atau di luar bandar, selaras dengan kehendak DEB. Dalam sektor perdagangan dan perindustrian khususnya, Kerajaan berpendapat orang-orang Melayu telah berjaya menunjukkan hasil dari usaha-usaha mereka yang begitu ketara dalam aspek-aspek perniagaan yang tertentu.

Berkaitan dengan peranan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, pada keseluruhannya Kerajaan berpuashat dengan segala langkah-langkah, sama ada secara umum khusus atau kedua-duanya, yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha Bumiputera khususnya pengusaha-pengusaha muda kita. Sesungguhnya Kerajaan berpendapat bahawa agensi-agensi Kerajaan telah banyak memainkan peranan dan

berusaha sedaya upaya untuk membantu pengusaha-pengusaha Melayu atau Bumiputera sejak pelaksanaan DEB.

Persoalan yang penting difikirkan bersama dalam hal ini ialah sama ada pengusaha-pengusaha Bumiputera sendiri telah memainkan peranan mereka dengan secukupnya sebagai pengusaha swasta supaya lebih berinisiatif dan sanggup berdikari tanpa mengharapkan bantuan dan subsidi dari agensi-agensi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen RML yang sedang disiapkan akan dibentangkan di Dewan ini pada bulan Mac tahun hadapan. Ahli Yang Berhormat, boleh merujuk kepada dokumen itu untuk mendapat butir-butir lanjut mengenai soalan berkenaan.

PROGRAM SEKOLAH INTEGRASI

31. Tuan Abdul Ghani Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah matlamat dan pendekatan skim sekolah integrasi, apakah alasan mereka yang menentang skim ini dan apa pula tindakan Kementerian untuk mengatasi tentangan ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat nama Program Sekolah Integrasi telah ditukarkan kepada Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan.

Antara matlamat Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan ialah:

1. Meningkatkan pergaulan, persefahaman, kerjasama, muhibbah dan toleransi di antara murid-murid dari Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis

Kebangsaan (Tamil) secara sedar dan terancang ke arah mengwujudkan perpaduan kaum di negara ini.

2. Meningkatkan penyertaan murid-murid dan guru-guru dari ketiga-tiga jenis sekolah dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum secara bersama.
3. Berkongsi menggunakan kemudahan, peralatan dan juga kepakaran yang ada di ketiga-tiga jenis sekolah yang berkenaan secara bersama dan maksima dalam bidang-bidang bukan akademik.

Rancangan ini akan dilaksanakan melalui kegiatan-kegiatan yang bercorak sukan dan khidmat masyarakat yang melibatkan penyertaan ramai seperti lumba jalan kaki dan membersihkan kawasan sekolah. Kegiatan-kegiatan ini akan dijalankan bersama ketiga-tiga jenis sekolah yang berkenaan yang berhampiran atau dalam satu kawasan berdasarkan persetujuan bersama. Kegiatan-kegiatan ini dikira sebagai tambahan kepada kegiatan-kegiatan yang sedia ada di setiap sekolah yang terlibat.

Mereka yang menentang rancangan ini mendakwa kononnya rancangan ini merupakan langkah permulaan Kerajaan untuk menghapuskan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, terutamanya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Mereka juga mendakwa bahawa rancangan ini akan mengakibatkan hilangnya penggunaan Bahasa dan Kebudayaan Cina.

Untuk mengatasi dakwaan ini, Kementerian Pelajaran telah memberikan penjelasan yang terperinci dan sebenar sama ada di dalam atau di luar Parlimen.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran juga:

1. Menyediakan draf buku. Garis Panduan dan seterusnya memberi penerangan kepada orang ramai melalui Jabatan-jabatan Penerangan Negeri.
2. Mengadakan perjumpaan dengan wakil dari Persatuan Sekolah-sekolah Cina dan Persatuan Guru-guru Malaysia mengenai rancangan ini.
3. Menukarkan nama Program Sekolah Integrasi kepada Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan.
4. Mengadakan bengkel selama seminggu di Johor Bahru untuk memberi penerangan kepada Guru-guru Besar sekolah yang terlibat mengenai cara-cara pelaksanaan dan meneliti dan memperbaiki kandungan draf Buku Garis Panduan rancangan tersebut.

FELDA—PEMBUKAAN TANAH

32. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah benar bahawa FELDA bercadang memberhentikan pembukaan tanah bagi tanaman kelapa sawit dan getah. Jika benar tidakkah pemberhentian ini menyekat peluang rakyat yang ingin menyertai rancangan tersebut. Jika tidak adakah Kerajaan bercadang memberi kawasan yang lebih luas lagi (daripada 10 ekar kepada 20 ekar atau lebih) kepada seorang peserta yang akan datang supaya pendapatan mereka lebih lumayan lagi.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Adalah tidak benar sama sekali bahawa FELDA

bercadang memberhentikan pembukaan tanah bagi tanaman kelapa sawit dan getah. FELDA akan terus memajukan tanah-tanah baru selagi ada kawasan-kawasan yang sesuai diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Jenis-jenis tanaman yang akan ditanam di rancangan-rancangan tanah FELDA adalah banyak bergantung kepada kesesuaian tanah, bentuk muka bumi dan keadaan cuaca di kawasan tersebut. Ini semua dapat mempengaruhi pengeluaran hasil ladang nanti.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat yang kedua pula, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang memberi kawasan yang lebih luas kepada seseorang peserta yang akan datang kerana keluasan 4 hektar (10 ekar) adalah memadai untuk memberikan tahap pendapatan yang memuaskan kepada peserta-peserta rancangan.

STRATEGI EKONOMI NEGARA

33. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan apakah strategi ekonomi negara bagi menghadapi masa depan yang agak kurang cerah bagi tempoh masa dekat, pertengahan dan jangka panjang supaya keadaan ekonomi negara sentiasa terkawal.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kerajaan telah dan akan terus melaksanakan strategi-strategi yang sesuai untuk membolehkan ekonomi negara terus berkembang dalam keadaan stabil. Strategi-strategi yang akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bertujuan, antara lain, untuk:

- (a) Memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara;
- (b) Memperkukuhkan kedudukan Belanjawan Negara; dan

- (c) Mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang memuaskan melalui peningkatan kegiatan sektor swasta,

Ini bermakna Kerajaan akan terus memperkukuhkan usaha-usaha menggalakkan eksport, mengurangkan import, membaiki perdagangan tak ketara negara dan menggalakkan pengaliran masuk modal swasta jangka pendek dan panjang, supaya akaun semasa dan akaun keseluruhan imbalan pembayaran Malaysia akan terus bertambah baik. Di samping itu, pengawasan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam akan dibuat, terutamanya terhadap perbelanjaan yang boleh menyebabkan pertambahan dalam import negara.

ALAT AMARAN HAD LAJU

34. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah tarikh akhir bagi pemasangan alat pengesan laju bagi jentera berat dan bagaimana sambutan tuan-tuan punya jentera tersebut untuk berbuat demikian.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Semua kenderaan barangan, bas persiaran dan bas ekspres yang dilesenkan di bawah Bahagian V Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dengan berat muatan maksimum yang dibenarkan 4,500 kilogram atau lebih adalah dikehendaki dipasang dengan alat amaran had laju selewat-lewatnya pada 31 Disember 1985.

Sehingga sekarang sambutan daripada pemilik-pemilik kenderaan berkenaan untuk memasang alat tersebut adalah agak dingin. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengingatkan mereka supaya memasang alat amaran had laju

pada kenderaan masing-masing dengan secepat mungkin oleh kerana selepas 31 Disember 1985, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka kerana kesalahan tidak memasang alat tersebut.

RUMAH KOS RENDAH— REKABENTUK

35. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar bahawa rekabentuk rumah kos rendah yang dibina dengan hollow block adalah tidak sesuai dengan kehendak rakyat. Jika benar, adakah Kerajaan bercadang membuat rumah kayu jenis pasang siap.

Dato S. Subramaniam: Adalah tidak benar bahawa rekabentuk rumah kos rendah yang dibina dengan batu berongga (hollow block) tidak sesuai dengan kehendak rakyat. Batu berongga ini adalah komponen yang kekal dan banyak digunakan di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat dan Australia. Kualiti blok berongga juga senang dikawal dengan cara menentukan campuran simen dan pasir yang betul. Apabila dinding blok berongga ini dipelaster, ianya kelihatan cantik seperti dinding bata yang lain. Blok berongga adalah sangat sesuai terutama untuk pembinaan rumah kos rendah kerana komponen utama, iaitu pasir, banyak didapati di negara ini. Oleh itu, harganya murah. Blok berongga banyak keistimewaan yang lain, saiznya boleh dibesarkan untuk mudah diaturkan dengan cepat. Blok ini boleh dibuat ditapak projek dan oleh itu boleh menjimatkan kos pengangkutan. Oleh itu, dengan penggunaan blok berongga, Malaysia boleh membina rumah kos rendah yang bagus serta murah. Blok berongga bukan sahaja sesuai digunakan untuk pembinaan kos rendah tetapi juga untuk kos sederhana dan tinggi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan ke atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (3hb Disember, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar menyambung ucapannya.

3.36 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana dapat berpeluang untuk menyambung muqaddimah, hujah-hujah saya di dalam membahaskan suatu Akta Pmdaan kepada Akta Kualiti Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Lapisan udara yang meliputi planet bumi adalah sangat nipis dan ianya membekalkan kita dengan air dan lain-lain sumber alam semulajadi. Ini kata-kata, pendapat daripada para saintis yang membuat kajian terhadap alam dan alam sekitar.

Di dalam memperkatakan alam sekitar ini beberapa unsur yang penting tidak dapat kita elakkan iaitu udara, air dan tanah membentuk apa yang disebut istilah sains 'biosuphra' iaitu bahagian alam ini menampung kehidupan kita. 'Biosuphra' merupakan satu sistem tertutup di mana benda-benda di dalamnya diedar dan digunakan semula untuk menampung proses-proses hidup.

Manusia adalah salah satu komponen sistem ini dan bergantung kepadanya untuk terus hidup. Ini adalah jelas kepada kita bahawa alam sekitar merupakan aspek terpenting dalam kehidupan manusia. Setiap individu menyedut udara ke dalam saiuran pernafasannya setiap saat tanpa bayaran. Kalau kita beli gas PETRONAS 12 kilogram berharga \$16.10 sen satu tong cylinder tetapi gas udara yang nyaman oxygen yang memberi pernafasan dan nyawa kepada setiap manusia yang berbilion-bilion jumlahnya di dalam alam ini hanyalah diberi percuma. Dengan sikap percuma dan mudah inilah kadang-kadang kita lupa untuk memelihara kecantikan dan kepermaian alam sekitar ini.

Udara yang bersih adalah mustahak bagi kesihatan seseorang itu. Pencemaran udara boleh mengancam nyawa manusia dan alam sekitarnya dari berbagai aspek. Udara yang diperolehi dengan partikal bahan-bahan kimia seperti carbon monoxide, nitrogen dioxide dan hydro carbon tidaklah sesuai untuk tubuh badan manusia dan boleh mengganggu pertumbuhan kepada anggota badan tersebut. Selain dari itu juga pencemaran udara boleh mengganggu sistem pertumbuhan tumbuh-tumbuhan, tanam-tanaman dan lantas mengurangkan hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara sedemikian berlaku, sumber makanan manusia akan terganggu, asap yang berkepul-kepul daripada tempat pembakaran sampah dan kilang-kilang membuatkan penglihatan tidak jelas seperti yang saya katakan semalam dan menambah bau yang tidak menyenangkan dan yang paling ditakuti adalah bahawa ianya boleh mengancam kesihatan seseorang itu. Sampah sarap yang berselerak yang mempunyai bau yang busuk dan punca membiaknya penyakit seperti malaria, taun dan denggi.

Tuan Yang di-Pertua, air merupakan satu sumber alam semula jadi yang terpenting di muka bumi ini di samping udara. Tanpa air bumi tidak akan dapat menampung apa-apa jenis hidupan. Di Malaysia sungai merupakan sumber utama perbekalan air. Terdapat kira-kira 49 batang sungai utama termasuklah sungai-sungai yang besar seperti Sungai Perak, Sungai Pahang, Sungai Kelantan, Sungai Sarawak dan berbagai-bagai lagi. Sungai utama ini seterusnya mempunyai banyak anak-anak sungai. Air mempunyai banyak kegunaannya terhadap kehidupan seharian manusia. Kadar air yang diperlukan oleh setiap individu telah dianggarkan berjumlah 2000 millilitre sehari dan 60% kandungan di dalam tubuh badan manusia adalah air. Manusia menggunakan air melalui dua cara iaitu pengambilan air dan kegunaan pengaliran iaitu saluran air.

Di Malaysia negara kita yang dicintai ini dengan adanya kemajuan pelaksanaan projek perbekalan air telah membolehkan lebih ramai lagi penduduk kira-kira 60% yang telah diberikan kemudahan bekalan air. Bilangan ini dijangka akan meningkat dengan terlaksananya program-program bagi perbekalan air paip kepada penduduk-penduduk di dalam dan di luar bandar. Negara kita menggunakan lebih daripada 80% bekalan air untuk keperluan domestik sementara selebihnya digunakan oleh pihak industri dan lain-lain kegunaan perdagangan.

Sektor pertanian dan penternakan juga memerlukan air yang banyak untuk mendapatkan hasil yang secukupnya, sawah padi, kelapa sawit dan getah adalah di antara tanaman-tanaman yang penting, yang utama bagi negara ini yang memerlukan air yang banyak. Air juga merupakan tempat di mana hidupan-hidupan liar membiak, hidupan air seperti ikan, udang dan ketam merupakan sumber makanan manusia masih terdapat sebilangan kecil (minority) daripada

rakyat yang tidak memakan ikan tetapi sebagaimana yang telah dinyatakan air merupakan kegunaan terpenting bagi manusia dan hidupan-hidupan ini.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar di penuhi dengan berbagai jenis sumber alam semula jadi dapat kita bahagikan kepada dua jenis.

Pertama, sumber yang boleh diperbaharui.

Yang kedua, sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui.

Sumber-sumber yang boleh diperbaharui bermaksud bahawa ianya boleh diperolehi semula melalui proses-proses semula jadi ataupun melalui kegiatan manusia. Proses-proses ini ada yang memerlukan jangka masa yang pendek dan ada yang mengambil masa selama beratus-ratus tahun untuk menghasilkan sumber itu semula. Manakala sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui pula adalah sumber-sumber yang sedia ada di bumi ini dan di dalam quantity yang sangat terhad. Sumber-sumber ini tidak boleh didapati semula melalui proses-proses semula jadi. Ianya termasuklah air, bahan-bahan api, udara dan tanah. Kayu-kayan dan galian merupakan sumber-sumber alam yang boleh diperbaharui tetapi memakan masa beratus tahun lamanya.

Melihatkan jumlah kayu-kayan yang dieksport dewasa ini amatlah membimbangkan bahawa suatu masa nanti kemungkinan tidak ada lagi kayu-kayan untuk kegunaan-kegunaan manusia. Kayu-kayan penting sebagai bahan api dan juga hutan merupakan tempat tadahan hujan dan penahanan hakisan. Sekiranya udara dan air terus dicemari kehidupan manusia akan terancam, wabak penyakit akan merebak dan ini menggugat kesihatan manusia secara keseluruhannya dan lantas melahirkan masyarakat yang berpenyakit. Alam sekitar adalah

penting bagi setiap individu sekiranya ia tercemar bermakna kita juga turut tercemar.

Saya mengalu-alukan beberapa pindaan serta perubahan-perubahan baharu yang saya sifatkan sangat radikal bagi menyelamatkan apa yang telah saya sebutkan tadi. Peruntukan-peruntukan baharu kepada Seksyen 48 iaitu 48A, 48B ini akan memperhebatkan lagi memberi kuasa yang luas kepada pihak Kerajaan untuk membentasi kejadian-kejadian dan amalan-amalan yang merosak dan merugikan alam persekitaran kita. Tetapi di dalam menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar ini kita sangat bimbang jika tidak ada penyelarasan terhadap beberapa Akta di jabatan-jabatan terutamanya Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Galian di bawah Enekman Melombong Negeri-negeri di mana kecemaran-kecemaran muka bumi sangat hebat berlaku tanpa sebarang kawatan yang berkesan sehingga hari ini.

Sebagai contoh, negeri Perak, Lembah Kinta dan Perak Selatan merupakan kawasan-kawasan yang sejak sebelum merdeka hampir 100 tahun telah dikorek dan ditebalikkan bumi aslinya kerana kepentingan-kepentingan perlombongan bijih timah. Kalau kita berjalan di udara, kita melihat daripada Lapanganterbang Ipoh hingga sampai ke 20 batu hampir 40 batu sekitarnya adalah di dalam kurap iaitu tandus, bukan seperti padang pasir tetapi tembok di sana, tembok di sini untuk melihat sahaja pun mata kita amat sakit, apa lagi jikalau kita perincikan kejadian-kejadian daripada operasi melombong ini—kerja-kerja perlombongan ini telah dijalankan dengan meminda mengubah, melencong sungai-sungai besar, anak-anak sungai yang sangat penting kepada saliran ketika kita menghadapi

banjir, ketika kita menghadapi hujan lebat sepertimana keadaan pada masa sekarang.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, apabila kejadian banjir, kejadian sungai sudah singkat seperti Sungai Kinta, di daerah Kinta di Perak, Sungai Chinderiang di kawasan Batang Padang, Sungai Bidor di kawasan Batang Padang, sungai-sungai ini yang dahulunya jernih dan cantik walaupun kita tidak dapat mempertahankan kecantikan, kejermahan dan keindahan sungai-sungai ini pun tidak mengapa demi kepentingan perusahaan utama kita lombong tetapi sedarkah Dewan ini bahawa bila kita melihat operasi-operasi lombong yang meminda melincongkan sungai ini berlakulah beberapa kecacatan kepada rupa bentuk muka bumi dan anak-anak sungai telah tersekat pengalirannya.

Sebagai contoh, pada satu ketika kira-kira 8 tahun yang lalu Sungai Chinderiang di bahagian Hilir di kawasan Batang Padang ini telah dilencongkan dan diluruskan oleh Syarikat SMTD di bawah anak Syarikat Kumputan MMC (Southern Malayan Tin Dredging), dengan izin, telah diberi anugerah untuk melombong sebahagian perut sungai yang lama dan meluruskan sebahagian besar daripada sungai di bahagian Selatan ini. Apabila projek meluruskan sungai ini pada dasarnya baik kerana keadaan sungai itu telah dapat saliran yang baik tetapi rupanya apabila kejadian banjir di sekitar Kampung-kampung Sungai Lesong, Sungai Kurung, Kampung Haji Dahlan dan sebagainya diteliti, disiasat dalam tempoh 2 jam hujan mengejut maka seluruh kampung-kampung ini telah tenggelam dan tanaman-tanaman getah, kelapa sawit, tempat-tempat ternakan turut tenggelam.

Apabila disiasat didapati bahawa sebahagian anak-anak sungai seperti Sungai Kurung, Sungai Lesong, Sungai Ketiau telah tidak dilincongkan sama

muaranya menuju kepada Sungai Chenderiang yang baharu diluruskan itu. Dengan sebab, itu hujung dan muara anak-anak sungai ini yang dahulunya menuju kepada aliran yang lama telah terhenti pengalirannya setakat itu dengan tidak ada penghujungnya. Dengan sebab itulah kita dapati pelencongan-pelencongan sungai ini membawa kepada satu bencana yang amat hebat kepada tanam-tanaman dan penduduk-penduduk serta kampung halaman orang-orang kampung.._

Yang lebih menyedihkan lagi, pelencongan sungai ini dibuat dengan ada kejuruteraannya, ada penasihatnya, arkiteknya dan berbagai-bagai lagi, mengikut kajian kejuruteraan perlombongan dan kejuruteraan pengaliran sungai. Tetapi yang anehnya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang anak-anak sungai yang dikelencong ini, dikelencongan 90°, bererti velocity air yang mengalir anak-anak sungai ini sudah tergecat, dia tidak berjalan secara ekspres sedangkan kita di dalam perjalanan di jalan raya lagi berkehendakkan train express 'Senandung Malam', beratus-ratus express bus daripada utara hingga sampai ke selatan tanahair, semuanya berkehendakkan ekspres, sungai pun dengan air yang mengalir tidak berhenti-henti 24 jam memerlukan keadaan ekspres hingga sampai ke muara.

Mengapakah, saya ingin bertanya kepada pihak-pihak cerdik pandai dalam bidang kejuruteraan pelurusan sungai-sungai ini, tidak mementingkan keadaan saluran-saliran air sehingga terjadi demikian dan mengakibatkan jalan-jalan raya kita terputus hubungan apakala hujan lebat dalam tempoh yang singkat, katalah di dalam 3 jam atau 5 jam. Jalan-jalan biasa daripada Ipoh ke Tapah biasa terputus di kawasan berhampiran Sungai Chenderiang di Batu 3, Temoh, kawasan jalan raya daripada Kampar

ke Teluk Intan biasa tersekat di bahagian perkampungan Mambang Diawan apabila Sungai Ketiau ini melimpahkan airnya ke tengah jalan raya. Ini memutuskan sama sekali hubungan Perak Selatan ke Ipoh di dalam beberapa jam dari dua saluran jalan daripada Teluk Intan dan daripada Kuala Lumpur ke Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini serius, air semakin bergerak tidak berhenti-henti, pasir, lodak, silting, dengan izin, semakin mencurah daripada timbunan-timbunan hampas lombong, timbunan-timbunan bukit pasir yang telah dikorek dan ditimbun tanpa kawalan yang rapi daripada pihak Jabatan Galian di bawah kuasa-kuasa enakmen melombong yang telah diwujudkan. Semuanya ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan mengancam kampung halaman, mengancam ladang-ladang getah, mengancam penduduk-penduduk dengan tanam-tanamannya. Jangan dikatakan lagi hidupan-hidupan di dalam sungai, sejak ada perlombongan hampir sungai-sungai yang besar, sungai-sungai kecil yang terlibat di dalam kawasan perlombongan ini semuanya tidak ada hidupan lagi, tidak ada ikan yang sanggup hidup di dalam sungai yang penuh dengan lodak dan lumpur lombong ini.

Tuan Yang di-Pertua, habis kita menceritakan sungai-sungai yang bernama yang di bawah bidangkuasa Jabatan Parit dan Taliair, rupanya ada lagi sungai-sungai kecil, anak-anak sungai, saluran-saliran yang penting yang menuju ke anak sungai yang bernama, menuju kepada sungai-sungai yang besardan akhirnya menuju ke laut. Sungai-sungai ini telah ditakrifkan sebagai anak-anak sungai yang tidak bernama. Anak-anak sungai yang tidak bernama ini lagilah tarafnya tidak bernama, cuma ada di dalam litho-sheet sahaja ditulis 'sungai tidak bernama' tetapi semuanya ini telah dipotong-potong, dikelencong mengikut sekehendak hati oleh

pelombong-pelombong itu tanpa kawalan daripada pihak-pihak yang tertentu, yang berkuasa di dalam bidang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apakah Akta ini boleh mencampuri bidangkuasa enakmen melombong, boleh mencampuri bidangkuasa Jabatan Parit dan Taliair di mana yang tertentu bolehlah diselaraskan. Jika tidak, saya kira pada anggapan saya yang cetek ini, sekiranya kita tidak dapat menyelaraskan di bawah beberapa akta yang lain yang berhubungan terus dengan pencemaran-pencemaran alam yang memudaratkan kehidupan alam sekitar ini, maka Seksyen 48B yang baru diwujudkan untuk dipinda ini, yang berbunyi:

"Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sempurna olehnya boleh menghendaki mana-mana orang memberikan bantuan seandainya terjadi pencemaran, atau ancaman pencemaran yang mungkin berlaku pada bila-bila masa, kepada alam sekeliling."

Sekiranya tidak ada penyelarasan sebagaimana yang saya katakan tadi, maka Seksyen 48B ini tidaklah akan berkesan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan demi pindaan kita lakukan demi untuk memelihara kesejahteraan manusia terutama sekali rakyat kita yang berselerak, maka saya merasakan akta-akta yang telah ada di bawah kuasa-kuasa Negeri seperti enakmen melombong, Land Conservation Act, dengan izin dan juga kuasa-kuasa memelihara sungai seperti diwartakan di bawah Jabatan Parit dan Taliair, semuanya ini hendaklah diambil kira, hendaklah diselaraskan dengan kehendak dan maksud yang dikehendaki oleh Seksyen 48B ini supaya ramai rakyat kita akan menyedari betapa pentingnya pemeliharaan alam sekitar.

Saya ingin menyambung lagi, Tuan Yang di-Pertua, akan keadaan-keadaan pencemaran sungai-sungai ini di mana biasanya barangkali Akta ini melibatkan kilang-kilang yang telah didaftarkan, yang telah diwartakan atau yang telah dimasukkan di dalam list pelesenan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar ini, tetapi bagaimana halnya pencemaran-pencemaran melalui perusahaan ternakan yang besar-besaran. Beberapa tahun yang lalu, saya pernah membangkitkan kepada Kerajaan Negeri Perak iaitu keadaan penternakan-penternakan babi yang dijalankan di tempat-tempat yang terlindung dan jauh daripada kawasan-kawasan yang didiami oleh orang ramai. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun dia berkeadaan jauh, tetapi letak kedudukan kawasan-kawasan itu—ternakan ikan berkahwin dengan ternakan babi berhampiran, maka apabila ikan ini akan diambil hasilnya maka saluran air-air najis babi yang ada dalam kolam-kolam itu dilepaskan ke anak sungai.

Sebagai contoh, anak sungai yang dinamakan anak Sungai Ulu Geroh yang menuju ke Sungai Kampar, Sungai Kampar ini apabila sampai ke kawasan Kuala Dipang iaitu lebih kurang 9 batu ataupun 8 batu lagi ke pekan Kampar, di sini air sungai itu disedut, dipam oleh Jabatan Bekalan Air untuk ditapis dan untuk dibekalkan kepada orang ramai. Jadi amatlah menakjubkan kenapakah pengaliran-pengaliran ini tidak diketahui dan pihak Jabatan Bekalan Air yang akan memberikan minuman kepada berpuluh-puluh, beribu-ribu orang-orang kampung di kampung-kampung seperti Kampung Jahang, Kampung Gunung Panjang, Kampung Gunung Mesah, Kampung Cholek, Kuala Dipang, Jeram dan berbagai-bagai lagi.

Saya tidak tahu sama ada kerja-kerja yang masih diteruskan kerana tempat yang terpencil ini, pada satu ketika

sedang kita ada berkuasa boleh kita sampai ke tempat itu, tetapi sepanjang yang saya ketahui tempat ini jarang dan hampir-hampir tidak pernah dilawati oleh apa-apa jabatan pun. Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, Pejabat Pertanian pun tidak pernah meninjau ataupun melihat kejayaan ini. Cuma pada satu ketika apabila didapati oleh penduduk-penduduk kampung air sungai juga menjadi hitam pekat berminyak selama seminggu barulah disedari dan disiasat.

Saya ingin membuat seruan di sini demi kepentingan kesihatan umat manusia seluruhnya, wajarlah pihak Kementerian ini meneliti dengan halus akan kejadian pencemaran-kecemasan yang dengan sendirinya akan mencacatkan rasa tanggungjawab dan juga keadilan kita kepada orang ramai untuk menikmati air ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyemak akan beberapa peruntukan-peruntukan dalam Seksyen ini di mana kita akan pinda untuk menaikkan penalti-penalti kepada pesalah-pesalah di bawah Akta ini, tetapi saya kira bahaya bencana kepada umat manusia daripada perbuatan-perbuatan yang kita kata, dengan izin, perbuatan jahat yang disengajakan ini tidaklah sebanding dengan nilai bencana yang akan dirasai oleh manusia di sekitar kawasan-kawasan yang telah dicemar itu.

Di sinilah saya merasakan bahawa udara-udara kita yang telah dicemar oleh asap kilang-kilang yang tidak dapat dipastikan berapa darjah kebersihannya yang dibenarkan dan pertumbuhan kilang-kilang ini pun memanglah digalakkan untuk pertambahan dan kedudukan ekonomi, tetapi jika udara telah tercemar, air-air sungai telah tercemar, banjir telah menimpa dan menjadi peristiwa harian di negara kita ini, laut telah dicemar oleh minyak dan limpahan-limpahan kotor, sungai-sungai yang tidak terkawal baik di

dalam bandar ataupun di luar bandar, maka semuanya ini akan mendatangkan mudarat yang amat sangat kepada manusia.

Oleh itu di samping saya menyokong akan beberapa peruntukan-peruntukan yang telah dipinda ini, tetapi saya ingin jika pihak-pihak Kerajaan meningkatkan lagi nilai hukuman denda penalti ini kepada pesalah-pesalah di bawah Akta ini, kerana dengan adanya ancaman-ancaman penalti yang berat, maka mudah-mudahan sikap pihak swasta, pemaju-pemaju perumahan, pelombong-pelombong, pengilang-pengilang akan lebih mementingkan kesejahteraan orang ramai di samping mencari keuntungan yang lumayan bagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan kesedaran alam sekitar ini bukan tanggungjawab satu-satu pihak tetapi tanggungjawab terutamanya Kerajaan, pihak-pihak swasta yang berkenaan, orang ramai dan perlu juga diberi pelajaran dan pendidikan kualiti alam sekitar ini di dalam sistem pendidikan persekolahan-persekolahan kita kerana, pendidikan yang bermula daripada generasi-generasi muda ini akan bakal memimpin negara ini ke satu tahap yang sangat-sangat kita idamkan iaitu kemakmuran, kebahagiaan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya ingin membawa kepada satu, apa yang disebut di dalam tafsir-tafsir yang mengenai alam ini maka kita dapati negara Malaysia ini adalah di antara negara-negara yang bertuah yang telah dianugerahkan kekayaan alam semula jadi. Laut di sepanjang pantai kita berisi dengan kehidupan untuk makanan manusia, di dalam laut juga munculnya dan keluarnya segala hasil-hasil galian petroleum dan sebagainya, bumi kita yang indah dan permai diselaputi oleh ladang-ladang

sawit yang menghijau yang mengeluarkan hasil yang lumayan, maka seluruh ini bersama dengan kehidupan manusia yang ada di bumi ini, adalah satu amanah kepada Kerajaan pemerintah serta pemimpin-pemimpin di segala bidang untuk memelihara isinya, kecantikannya, rupa buminya apatah lagi memelihara kemanusiaan seluruhnya dengan kehidupannya dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa ayat yang diturunkan oleh Allah kepada manusia yang kekal hingga hari ini, kita dapati di dalam surah An Naml yang berbunyi, sebahagiannya ayat 60 maksudnya lebih kurang, "Siapakah yang mencipta semua langit dan bumi dan yang telah menurunkan kepada kamu air dah langit lalu kamu tumbuhkan dari air itu kebun-kebun yang indah permai". Langit yang indah tempat kita bernaung dihiasi dengan bintang-bintangnya yang mengagumkan itu. Ada bintang beredar, ada bintang yang tetap dan ada falak atau cakerawala, ruang angkasa yang tidak diketahui di mana hujungnya, bumi yang dijadikan hamparan tempat manusia berdiam yang segala sesuatunya penuh dengan warna dan keindahan dan segala sesuatunya menyimpan kekayaan yang tidak kunjung habis. Beriba lebar, berpadang luas, berair terjun, bersungai mengalir, berpohon besar, berkayu rendang, berhutan lebat, bergunung ganang, awan mengawan, berlaut, berdanau, bersayur mayur, berbuah ragam, berbinatang berserangga, berikan, berburung, maka dengan air itulah pangkal hidup segala yang hidup, baik binatang atau tumbuh-tumbuhan dan suburlah alam termasuk di dalamnya sawah bendang, termasuklah di dalam berbagai kebun besar di tanah-tanah yang luas yang ditanamkan oleh manusia dengan secara teratur menurut ilmu pengetahuan tentang bumi, tanaman yang patut ditanam di atasnya sehingga kita lihatlah di padang-padang pasir

kebun kurma, di oasis lembah yang hijau yang subur terlihatlah kebun kelapa sawit atau kebun getah atau kebun nenas yang dikirim orang dari satu benua ke benua lain melalui lautan yang besar yang dinamai import dan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, daripada air ini juga sebagaimana saya ceritakan tadi tamadun manusia di lembah-lembah sungai, umpamanya kita kenal bangsa Mesir sejak zaman purbakala dengan Sungai Nilnya, bangsa Babylon dan Iraq dengan Qurat dan Dajalah, iaitu Tigris, bangsa Mesopotamia dengan Sungai Jordan, bangsa Hindu dengan Indus dan Ganga, bangsa Eropah dengan Rhine dan Thames, Kerajaan Sri Vijaya dengan Mushi dan Lematang, Darmasaraya dengan Sungai Batanghari, Kerajaan Pagaruyung dengan Sungai Siak dan Kuantan, jangan dicerita sungai-sungai di Montai, di Burma dan lain-lain. Ini semuanya telah dipelihara oleh manusia dari abad ke abad, daripada kurun ke kurun, dari masa ke masa, daripada nenek turun ke bapa, bapa turun ke cucu, cucu turun ke cicit, cicit entah berapa cicit lagi sebelum kiamat dunia.

Maka dengan alam inilah, dengan dasar inilah, maka saya kira Akta Kualiti Alam Sekitar ini memberikan makna yang berkesan memelihara kehidupan seluruh yang ada di bumi negara kita ini. Maka dengan sebab itu, setelah kita pinda dan kita luluskan nanti hendaklah ia dilaksanakan, dikuatkuasakan dengan penuh cermat, teliti dan berkesan agar kehidupan, kebudayaan kesejahteraan umat manusia di negara ini akan dapat dikekalkan kekayaan dan kemakmuran itu hingga beberapa abad yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah. Saya menyokong atas pindaan yang dicadangkan ini.

4.12ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama menyokong Rang Undang-undang ini agar diluluskan, tetapi saya ingin membawa serba sedikit dalam masalah ini dengan membawa beberapa persoatan mengenai Kementerian ini yang mana kalau dipandang sepintas lalu seolah-olah Kementerian ini tidak berfungsi kerana segala tindak-tanduk dan gerak kerjanya seolah-olah kurang berkesan.

Contoh, seperti yang berlaku di kilang memproses getah cair di Durian Tunggal, Melaka dan kilang meehun di Pekan Batu Berendam. Kedua-dua kilang ini berhampiran dengan kampung Melayu tradisional. Yang menjadi masalah ialah bau busuk dari air yang mengalir dari kedua-dua kilang ini 5 km sudah terdapat baunya, apatah lagi penduduk-penduduk yang berhampiran di kilang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rungutan penduduk-penduduk , kampung tradisional tadi ialah, pertama hinggakan kain baju yang dijemur berbau busuk asap getah dan makanan yang terhidang kalau lambat dimakan pun sudah berubah rasa asid dan daripada asap getah tadi. Seperkara lagi, sawah padi yang berhampiran dan kebun sayur tidak menjadi kerana air yang bercampur dengan asid getah yang mengalir dari kilang tersebut meresap masuk ke dalam sawah dan kebun sayur tadi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dikatakan benar-benar pencemaran alam sekitar yang telah dapat dirasai oleh rakyat. Akibatnya, Ahli-ahli Yang Berhormat tahulah apa yang terjadi. Apa yang difahamkan, perkara ini telah pun dibawa ke pengetahuan Kementerian ini melalui pihak-pihak yang berkenaan oleh penduduk-penduduk di sekitar kampung tersebut, iaitu di sekitar kilang tersebut, tetapi

sejauh mana kesannya, entahlah, tetapi kalau kita lalui 3 batu ataupun 5 km lagi dari kilang ini, sudah dapat terhidu bau yang tidak menyenangkan hidung kita.

Kedua, kita bukan tidak mahu masalah pembangunan negara tetapi Kementerian ini hendaklah mengawasi sedikit di tapak-tapak ataupun di tempat-tempat projek-projek perumahan yang akan didirikan, sepertimana contohnya lori-lori yang membawa tanah yang membawa lebih had muatannya dan sementelahan pula lorinya lebih had lajunya, jadi tanah-tanah tercicir di jalan raya, kemudian datang lagi lori yang sama lajunya dan tanah-tanah tersebut berterbangan menjadi debu dan kemudian hinggap di rumah-rumah yang berhampiran dengan jalan raya. Debu-debu atau habuk-habuk hinggap pula kepada pakaian yang terjemur dan kepada makanan yang tersaji. Apa yang terjadi, baju tadi apabila dipakai rasa gatal dan seterusnya ini boleh mengakibatkan kudis dan kurap-kurap kepada si pemakai tadi. Ini benar-benar berlaku. Inilah akibat pencemaran udara dan alam sekitar. Ini berlaku di kawasan-kawasan perumahan dan di kampung-kampung yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita mahu ialah Kementerian ini hendaklah benar-benar mengambil perhatian berat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat mengenai pencemaran udara dan alam sekitar. Kilang-kilang yang tidak mematuhi undang-undang Kementerian ini hendaklah dihukum dengan seberat-beratnya atau ditarik balik permit daripada duduk dengan tidak mengawal apa yang berlaku. Sebaliknya, jika kilang-kilang baru yang hendak didirikan hendaklah jangan berdekatan dengan kampung-kampung tradisional tadi, seperti apa yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat projek-projek perumahan pula di sebelah kiri dan di sebelah kanannya pula terdapat Zon Perdagangan Bebas Kilang-kilang. Keadaan seperti ini berlaku, tak usahkan yang berat-berat, sekiranya kilang ini mengeluarkan gasnya yang berbunyi kuat pun sudah mengejutkan anak yang tidur di dalam buaian. Saya takut ramai orang-orang yang akan menghidap sakit jiwa dan mengidap penyakit yang kurang tenteram akibat keadaan dan udara yang kurang bersih di sekitar. Sekali lagi saya berharap pihak Kementerian ini akan mengambil berat dan memberi pandangan yang secukupnya dalam keadaan dunia yang bertamadun ini.

Saya harap kepada Kementerian ini jika kurang kakitangan dan pekerja hendaklah ditambah untuk mengatasi segala masalah kerana ianya dahulu lain, sekarang lain. Dahulu kita hidup di kampung dengan udara yang nyaman dan bersih dengan pohon-pohon yang menghidupkan, tetapi sekarang, lebih-lebih lagi di Negeri Metaka yang tanahnya tidak bertambah sedangkan manusianya bertambah, sedikit-sebanyak hutan dan lereng bukit telah diterokai untuk dijadikan kawasan perumahan. Jadi di sebelah kirinya kilang, di kanannya rumah, jadi asap kilang pergi ke rumah mengganggu ketenteraman. Ini sedikit sebanyak mungkin menjejaskan pemikiran manusia dan penduduk yang akan datang.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

4.18ptg.

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk turut sama menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sepertimana yang telah dibentang dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan di Dewan ini pada petang semalam. Kesempatan ini juga

saya ambil untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan dan peluang kepada saya untuk turut sama membincangkan Rang Undang-undang yang dikemukakan itu.

Bercakap mengenai alam sekeliling, sebenarnya kita memperkatakan, kita mempersoalkan tentang manusia dan tanggungjawab manusia itu sendiri kepada alamnya sendiri kerana melalui tangan manusia, alam ini boleh tercemar dan melalui tangan manusia juga, alam ini boleh dibendung dari pencemarannya. Dalam konteks keperluan rakyat dan negara pada hari ini untuk mempersoalkan kualiti alam sekeliling, bermakna kita mempertemukan antara dua permasalahan yang rumit dalam waktu yang sama.

Permasalahan yang pertama kita akan dapat melihat usaha Kerajaan yang amat gigih dan bersungguh-sungguh untuk mengawasi dan memelihara persekitaran dari apa sahaja bentuk pencemaran supaya udara yang kita hirup terus segar dan nyaman, supaya air yang kita minum sentiasa bersih dan jernih dan supaya pandangan mata kita sentiasa indah dan menawan. Tetapi dalam waktu yang sama Kerajaan juga mementingkan pembangunan negara yang amat diperlukan. Pembangunan ini perlu diwujudkan kerana dari pembangunan itulah akan dapat mempertingkatkan ekonomi rakyat, akan dapat memperbaiki sosial rakyat negara ini.

Sesungguhnya dari kemiskinan dan penderitaan rakyat telah mendorong Kerajaan membawa berbagai pembangunan untuk mereka supaya mereka tidak selama-lamanya hidup dalam himpitan kemiskinan. Maka antara dua kejutan pertemuan inilah pertemuan untuk memelihara kualiti alam sekeliling dan pembangunan yang telah mengubah corak dan bentuk muka bumi negara ini telah meletakkan Kerajaan seolah-olah

dalam suatu dilema, dalam suatu persimpangan yang amat rumit dan mencabar, Kerajaan mahu supaya suasana keindahan dan kesegaran alam sekeliling dipelihara dengan baik dan dalam masa yang sama Kerajaan juga mahu supaya pembangunan berkembang subur di negara ini.

Mengikut hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya bertolak dari berkembangnya revolusi pembangunan inilah menyebabkan wujudnya pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling ini kerana kecemaran yang amat ketara sekarang adalah berpunca dari proses pembangunan itu sendiri.

Sebagai contoh di zaman negara kita tertutup dari pembangunan seperti di zaman sebelum merdeka dahulu, barangkali Kerajaan tidak perlu mewujudkan Akta Kualiti Alam Sekeliling ini. Buat apa Akta seperti ini diwujudkan kalau tidak ada kenderaan-kenderaan di jalan raya. Buat apa Akta ini kalau hutan-belantara terus menghidupkan segar. Perlu apa Akta ini kalau sungai terus mengalirkan airnya yang jernih dari hulu ke kuala. Perlu apa Akta ini kalau di bandar-bandar tidak ada estet-estet perumahan, tidak ada kilang-kilang perusahaan yang boleh mengeluarkan kepulan asap hitam. Ertinya kalau tidak ada pembangunan akan terpelihara alam ini yang dilakukan oleh tangan dan pemikiran manusia.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebagai contoh saya misalkan, terdapat sebuah kuari berhampiran jalan raya dan berhampiran pula dengan kampung yang didiami oleh hampir 1,000 orang penduduk di satu kawasan di negeri Terengganu. Kilang kuari itu pada suatu ketika, dua atau tiga tahun yang lalu pernah beroperasi 24 jam sehari semalam kerana keperluan bahan yang dikeluarkan itu amat diperlukan untuk projek-projek pembangunan tempatan menyebabkan musim kemarau habuk-habuk dari

batu kuari itu berterbangan, seperti debu-debu menghujani sebahagian dari perkampungan itu. Jadi, dalam keadaan begini, kepentingan manakah yang lebih perlu diambil kira oleh Kerajaan. Apakah Kerajaan mementingkan suasana alam sekeliling dengan menutup perusahaan itu ataupun membiarkan kilang kuari itu berjalan terus walaupun penduduk kampung terpaksa menghirup udara yang penuh dengan kecemaran itu, sedangkan kilang tersebut memberi peluang kepada beratus-ratus orang penduduk kampung di sekelilingnya yang sebelum itu tidak mempunyai mata pencarian yang tetap. Dalam keadaan yang amat bermasalah ini tentulah meletakkan Kerajaan dalam keadaan yang serba salah untuk memilih satu antara dua atau keduanya sekali iaitu pembangunan atau suasana alam sekeliling.

Demikian juga apabila wujudnya taburan kilang-kilang memproses kelapa sawit yang mungkin mengalirkan kotorannya ke sungai sehingga memusnahkan hidupan-hidupan sungai akibat kecemaran air dan boleh membahayakan manusia yang menggunakan air sungai itu. Apabila berlaku keadaan begini, apakah Kerajaan harus bertindak menutup kilang-kilang yang hebat tersergam itu, sedangkan kilang-kilang itu sedang memberi peluang yang luas kepada rakyat untuk mencari rezeki.

Hari ini walaupun ke mana kita pergi di negara ini, kita akan melihat bukit-bukau yang sudah diratakan. Kita juga melihat paya dan lembah sudah ditambah untuk membina bangunan-bangunan batu, kita juga melihat hutan-belantara yang dahulunya menghidupkan sudah dibersihkan untuk membangun ladang-ladang yang saujana mata memandang. Maka dalam proses pertukaran pembangunan itulah berlakunya pencemaran kepada kualiti alam sekeliling yang amat sukar untuk dibendung. Oleh yang demikian, saya

mencadangkan supaya mana-mana pihak yang berminat sama ada untuk membuka ladang-ladang ataupun untuk membuka lombong-lomborig bijih, sama ada untuk membina estet-estet perumahan ataupun kilang-kilang perusahaan. Salah satu syarat yang mesti diberi keutamaan ialah jaminan mereka untuk melindungi kualiti alam sekeliling ke tahap yang paling maksimum.

Kerajaan harus meletakkan syarat-syarat ini sebelum mereka memulakan projek-projek yang dirancangan supaya mereka lebih berhati-hati serta mempunyai perancangan yang sempurna untuk mengawal pencemaran yang tidak diinginkan. Pihak-pihak berkuasa swasta berkenaan raestilah terlebih dahulu dipanggil khusus untuk menyampaikan syarat ini supaya mereka sentiasa beringat walaupun Kerajaan mahukan pembangunan untuk kepentingan rakyat jelata, tetapi saya yakin Kerajaan sendiri tidak akan rela membiarkan pembangunan itu menodai keindahan dan kesegaran alam negara kita ini. Melihat kepada permasalahan ini, saya berpendapat kejayaan Akta ini terletak kepada kesediaan pihak-pihak berkenaan serta kesedaran rakyat menghargai keindahan dan kesegaran alamnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kebelakangan ini pertumbuhan kilang-kilang berasaskan petroleum dan gas serta kilang-kilang sampingan semakin ketara setelah penemuan minyak di laut Terengganu. Dengan kehadiran industri-industri gergasi ini barangkali sedikit sebanyak boleh mengeluarkan pencemaran alam yang juga perlu diawasi dan perlu diambil perhatian yang lebih serius oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Selain dari kemungkinan pencemaran dari kilang-kilang tersebut, saya juga bimbang berlakunya tumpahan minyak di laut negara ini. Kalau tumpahan

minyak ini berlaku sudah pasti kesan-kesan yang tidak diinginkan akan berlaku. Selain dari menyebabkan rezeki kaum nelayan yang mengharapkan laut sebagai mata pencarian mereka, kita juga akan berdepan dengan lain-lain permasalahan yang lebih rumit tetapi kita juga bimbang lebih dari sepatutnya berlaku, selain daripada menjejaskan kehidupan kaum nelayan itu sendiri, seperti kebakaran dan sebagainya yang boleh mengakibatkan kerugian dan permasalahan yang lebih buruk. Oleh itu, saya berharap pihak-pihak yang mengusahakan petroleum ini lebih berhati-hati bagi mengelakkan tragedi pencemaran di laut yang amat ditakuti.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana hasratnya yang amat mulia dan murni dalam usahanya menghadapi cabaran pencemaran ini dengan melakukan pindaan kepada Akta berkenaan supaya lebih memberi kuasa dan keupayaan untuk berdepan dengan lebih banyak permasalahan pada masa akan datang.

Bertambahnya kereta motor di jalan raya misalnya, adalah suatu yang sudah pasti kesan dari kemajuan dan pembangunan serta kemakmuran rakyat dan akibat dari pertumbuhan itu akan lebih banyak kereta motor akan mengeluarkan asap kotor yang boleh mencemarkan kesegaran udara, terutama sekali di kalangan pengguna-pengguna jalan raya dan juga penduduk-penduduk kampung yang berhampiran dengan jalan raya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan pindaan Akta ini mungkin menimbulkan sedikit-sebanyak masalah kepada pemilik-pemilik kenderaan yang kurang sempurna tetapi dalam hubungan ini Kerajaan harus mengambil kira kepentingan-kepentingan umum dari kepentingan individu ataupun golongan tertentu. Tegasnya kalau kita ingin hidup dalam

sebuah negara yang sempurna, dalam sebuah negara yang damai, dalam sebuah negara yang harmoni dan indah nyaman, rakyat haruslah menyediakan sedikit ruang untuk berkorban.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya merumuskan ucapan saya ini kepada tiga perkara pokok iaitu pertama untuk program jangka panjang pendidikan mengenai alam sekitar serta bahaya pencemarnya hendaklah disampaikan kepada rakyat dari semenjak mereka masih ada di bangku sekolah rendah lagi sebagai satu pendidikan sivik supaya generasi muda yang akan menjadi suatu generasi yang lebih matang pada masa akan datang tahu dapat menilai serta menghargai kualiti alam sekeliling.

Kedua, untuk program jangka pendek, Kerajaan hendaklah menyampaikan pendidikan alam sekitar ini kepada masyarakat dewasa yang boleh disampaikan melalui sasaran tertentu seperti persatuan-persatuan belia, pertubuhan sukarela, kalangan kakitangan Jabatan Kerajaan, kalangan kakitangan pihak swasta dan masyarakat umum melalui ceramah-ceramah sivik anjuran Jabatan Penerangan dan lain-lain agensi.

Ketiga, pelaksana pertumbuhan pembangunan negara mestilah mengambil kira kesan-kesan pencemaran yang mungkin timbul dari pembangunan itu sendiri supaya kedua-dua keperluan ini iaitu pembangunan negara dan kebersihan alam sekeliling dapat berjalan seiring.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi mengulangi sokongan saya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1974. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Maasom.

4.33 *ptg.*

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta bangun mengambil bahagian di dalam membahaskan suatu akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar hujah-hujah, pandangan-pandangan dan gesaan yang telah dibuat oleh beberapa orang Ahli sejak daripada kita mula membahaskan Akta ini petang semalam. Namun demikian, saya masih ada beberapa perkara yang saya rasa perlu saya sampaikan untuk faedah kita bersama.

Bercakap mengenai dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling ini, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu berpijak semula kepada maksud Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1974 ini. Yang pertamanya ialah untuk mencegah kekotoran alam sekitar. Yang keduanya, untuk menghapus pencemaran dan kekotoran alam sekitar. Yang ketiganya, untuk mengawal pencemaran dan kekotoran alam sekitar dan keempatnya jika sekira telah berlaku kekotoran dan pencemaran, supaya kita mencari jalan untuk memperbaiki keadaan alam sekitar kita.

Sepertimana yang baru sebentar tadi ditegaskan oleh seorang Ahli dalam Dewan ini mengatakan bercakap mengenai dengan alam sekitar ini ialah bercakap mengenai dengan manusia dan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan saya mengalu-alukan pindaan Akta Kualiti Alam Sekitar yang dibawa dalam Dewan ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri dan Kementerian yang membawa pindaan ini supaya keadaan alam sekitar kita sentiasa terjamin untuk kesejahteraan rakyat kita dari masa ke semasa. Mahu tidak mahu daripada adanya Akta

Kualiti Alam Sekitar ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bawa terlebih dahulu kepada penerapan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan. Islam sendiri menggalakkan, Islam sendiri menganjurkan, Islam sendiri mahukan bahawa kehidupan ini baik, kehidupan ini sejahtera, kehidupan ini bersih, fikiran manusia itu bersih berdasar kepada sepotong Hadis Nabi s.a.w., "Al-aklu salim fi jismi salim", "Akal yang bersih, akal yang baik ada pada tubuh badan yang sihat". Dari situ, Tuan Yang di-Pertua, kesihatan tubuh badan rakyat penghuni, penduduk di dalam sesebuah kawasan, sesebuah negeri, sesebuah negara bergantung kepada empat anasir daripada mula asal manusia ini dijadikan iaitu daripada tanah, api dan angin.

Jadi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini berfungsi untuk menjaga keselamatan tanah daripada dicemar, berfungsi untuk menjaga air daripada dicemar, berfungsi daripada menjaga udara supaya jangan dicemar dan menjaga keadaan api supaya jangan menimbulkan bahaya. Inilah tujuan maksud Akta Kualiti Alam Sekitar untuk mencegah, untuk menghapus, untuk mengawal pencemaran dan jika sekiranya telah berlaku untuk memperbaiki keadaan alam sekeliling, alam sekitar.

Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Akta ini petang semalam menyebut beberapa hal seperti menjaga keadaan kawasan perumahan, kawasan kilang, laut dan perairan ataupun dalam tambahan Akta ini boleh menahan kenderaan motor daripada mengeluarkan asap dan gas yang berlebihan, menahan kenderaan yang membawa sisa-sisa yang boleh menimbulkan bahaya dan sebagainya, menjaga tempat pembuangan sampah daripada merebaknya bau busuk mencemarkan udara, pembiakan lalat mendatangkan penyakit dan sebagainya, memeriksa kenderaan-kenderaan yang tidak

bergerak sama ada di tanah awam atau tanah persendirian seperti alat-alat jentera traktor dan jentolak.

Yang Berhormat Menteri menyatakan sewaktu membentangkan Akta ini bahawa denda sahaja tidak memberi kesan kerana denda yang ringan itu akan menggalakkan kepada masyarakat, kepada orang ramai tidak mengambil berat di dalam keadaan alam sekeliling dan alam sekitar. Kesedaran daripada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian serta Kerajaan dalam masalah kualiti alam sekitar ini amat dialu-alukan. Amat dialu-alukan kerana sekarang ini rakyat kita telah berfikir, penduduk dalam negara kita telah berpelajaran, orang di dalam negara kita, rakyat dalam negara kita telah banyak yang ke luar negeri membuat perbandingan dan melihat bagaimana keadaan di negara-negara lain. Jika sebuah negara jiran kita boleh melaksanakan Akta Alam Sekitarnya, Alam Sekelilingnya tanpa riuh-rendah dengan papan kenyataan denda dan sebagainya, tetapi di dalam negara kita ini papan-papan yang menulis denda sekian ratus, denda sekian ratus terpampang dan terpacak di mana-mana keadaan, namun kebersihan alam sekitar masih boleh diperkatakan dan masih boleh dipertikaikan. Mengapakah keadaan ini berlaku? Saya setuju sepertimana kata Yang Berhormat Menteri semalam, denda sahaja tidak memberi kesan.

Soal pokoknya yang pertama ialah kesedaran dan sivik rakyat dari semua golongan masyarakat, daripada rakyat biasa, rakyat jembel, rakyat yang berpendapatan rendah sehingga kepada kaum elite, sehingga kepada kaum bangsawan, sehingga daripada orang yang berpendapatan \$150 sebulan, sehingga kepada jutawan, daripada petani kecil, sehingga kepada pengusaha-pengusaha kilang raksasa yang mempunyai peranan yang besar, daripada orang yang hanya tahu

membaca angka satu, dua, tiga, sehingga mereka yang menjadi ahli saintis dalam negara kita mempunyai peranan dan tanggungjawab di dalam menjaga kualiti alam sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah katakan, dan juga rakan-rakan saya yang lain telah menyebut berbagai hal daripada kisah sungai, air, parit, saliran air daripada pembuangan sampai, daripada tempat pembuangan najis, daripada bangunan-bangunan, binaan projek-projek yang menimbulkan keadaan kotor dan sebagainya, daripada banjir kecil, banjir besar, banjir kilat, daripada gunung yang menghijau yang menimbulkan kesan buruk, ampangan-ampangan air dan sisa racuh serangga. Ini semua terlibat di dalam kualiti alam sekitar. Saya tidak akan mengulangi apa yang sebutkan oleh beberapa orang rakan di dalam Dewan ini. Namun demikian, saya ingin mengingatkan, supaya rakyat memahami keadaan kualiti alam sekitar ini, hendaklah dijadikan satu mata pelajaran di sekolah-sekolah supaya rakyat kita memahami daripada sampah yang sedikit itu akan menjadikan timbunan sampah sarap, daripada timbunan sampah sarap itu akan jadi tempat membiak tikus, lalat dan sebagainya. Maka penyakit berjangkit mudah berlaku di dalam negara kita. Daripada saliran air yang tidak mengalir daripada buangan-buangan sampah sarap, tin-tin susu dan sebagainya akan membiakkan lagi cambahnya benih nyamuk aedis. Ini mengakibatkan demam denggi.

Ini berlaku di merata tempat, berlaku bukan sahaja di kampung-kampung baru dan bandar-bandar baru pembangunan, malahan di pusat kota raya Kuala Lumpur ini sendiri. Dan daripada keadaan tanah-tanah yang diusahakan untuk dimajukan itu juga telah disebut menimbulkan keadaan alam sekitar yang berubah daripada

semasa ke semasa. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini saya simpulkan di dalam skop pembangunan.

Kalau tidak ada pembangunan, maka tidak ada perubahan ini semua berlaku—bukit yang tertegak tinggi menghijau akan terus menegak tinggi menghijau, sungai yang mengalir dengan cantik, jernih, ikan bermain akan terus mengalir, kampung-kampung tradisional tidak akan tersinggung dan akan tercemar oleh keadaan alam sekitar, tetapi oleh kerana adanya pembangunan, adanya projek pembangunan dan rakyat mahukan pembangunan, maka negara dibangunkan, maka berlakulah perubahan seperti yang dapat kita lihat yang kadang-kadang kerana adanya pembangunan dan perubahan itu boleh menyentuh dan mengakibatkan kepada kualiti alam sekitar kita tercemar.

Akibat daripada pembangunan tadi, menyebabkan kualiti alam sekitar kita tercemar, maka terpaksa kita mengujudkan Akta ini sejak tahun 1974 yang pada masa itu ditubuhkan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar dan sekarang ini ditubuhkan satu kementerian yang khusus di bawah nama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Ini menunjukkan keyakinan dan kewaspadaan Kerajaan kita untuk menjaga kemuslihatan penghidupan rakyat daripada pencemaran udara, kekotoran di tanah, adanya pencemaran di air dan kesan-kesan sampingan yang ditimbulkan oleh kilang-kilang yang menimbulkan haba dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, Rasulullah sendiri bersabda bahawa akal yang sejahtera itu, yang cerdas atau yang sihat atau yang baik dan bijak itu ada pada tubuh badan yang sihat. Memang kesihatan rakyat itu perlu, sebab itu

klinik-klinik dibuat, pusat-pusat kesihatan ditambah, pusat-pusat kesihatan besar ditubuhkan, hospital-hospital baru dibangunkan bertingkat-tingkat, perkembangan daripada segi kesihatan ini kita memperlihatkan kepada kegigihan Kerajaan untuk menjaga kesihatan rakyat tetapi dari segi kesihatan rakyat ini sendiri terganggu oleh adanya pencemaran alam sekitar.

Saya bukan ahli perubatan, tetapi orang yang belajar di dalam bidang perubatan tentu mengetahui dan mengakui bahawa penyakit itu datang kerana sesuatu yang datang daripada keadaan alam sekitar, kalau tidak darah manusia tidak akan kotor, perut manusia tidak akan sakit, badan manusia tidak akan kurap, kalau tidak tidak akan berlaku pertubuhan yang menjalankan kajian dan penyiasatan bahawa adanya pencemaran alam sekitar itu membahayakan kepada orang ramai dan membahayakan kepada manusia.

Makanan manusia yang utama di laut, ikan dan karang-karangan laut seperti ketam, kerang, udang, sotong dan sebagainya, kesemua dijadikan asalnya sihat, baik belaka tetapi oleh kerana adanya pencemaran alam yang berada di laut tadi, menyebabkan hidupan di air ini dijangkiti oleh penyakit dan apabila dimakan oleh manusia akan menyebabkan manusia itu sakit.

Mengapakah keadaan pencemaran di perairan atau laut kita berlaku? Siapa yang cuai, siapa yang salah, siapa yang melakukan pencemaran di perairan kita?

Dengan adanya Akta ini dalam seksyen-seksyen yang tertentu boleh ditahan, boleh diperiksa, boleh didenda. Saya mengambil balik kepada ucapan Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Pindaan

kepada Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 ini, denda sahaja tidak berkesan. Denda yang ringan barangkali tidak berkesan. Jadi perlu denda yang berat.

Kalau satu kali membuat kesalahan didenda, kesalahan yang kedua didenda, kesalahan yang ketiga didenda tetapi tiga kali itu pun tidak menjerihkan dia, tidak mendatangkan perasaan takut kepada dia, maka kesalahan kali yang keempat tidak sepatutnya lagi denda, kalau perlu dirampas sahaja harta dan hakmiliknya yang boleh menimbulkan kerosakan kepada kualiti alam sekitar. Sebab manusia ini apabila dirampas hartanya, dia akan merasa takut. Jadi mereka-mereka yang melakukan pencemaran kualiti alam sekitar ini, kalau denda tidak berkesan, sekalipun denda ditambah juga tidak berkesan, dipenjara juga tidak berkesan, tetapi kalau dirampas, dirampas hartanya yang menyebabkan pencemaran alam sekeliling tadi, ini akan mendatangkan satu perasaan kepadanya supaya berhati-hati dan supaya tidak sewenang-wenangnya.

Baru-baru ini kita dengar, kita baca dan perkara ini telah timbul sebagaimana Sungai Benut sama ada sungat ini dimasukkan dalam sungai yang digazette atau tidak—Sungai Benut di Batu Pahat, Johor itu adalah tempat pergantungan hidup nelayan kecil yang menangkap udang galah, tetapi oleh kerana adanya pencemaran alam sekeliling berpuluh malahan beratus nyawa yang bergantung kepada Sungai Benut itu hilari mata pencariannya sedangkan Sungai Benut itu hulunya di Gunung Mengkibul di Kluang, tetapi kerana adanya pencemaran ai am, sungai rosak, hidupan laut, hidupan sungai habis, rakyat yang bergantung hidup kepada Sungai Benut tadi keputusan rezeki.

Udang tidak bercakap, sungai juga apabila kotor tidak bercakap tetapi manusia atau rakyat yang bergantung hidup kepada Sungai Benut tadi

memekik—inilah Kerajaan cuai, inilah Kerajaan tidak bertindak, inilah Kerajaan cuma hendak cukai, sedangkan kami punya udang habis pupus, lupus—yang dimaki siapa? Kerajaan. Yang dihamun siapa? Kerajaan. Siapa Kerajaan hari ini, Kerajaan pimpinan Dr Mahathir, Kerajaan pimpinan Datok Musa, Kerajaan Barisan Nasional. Ini dia, sebab itu di Benut itu ada parti Pembangkang agak kuat sedikit di situ, kerana isu Sungai Benut yang dicemarkan oleh pencemaran alam ini tadi dijadikan isu di situ.

Saya beralih kepada Sungai Senggarang. Sungai Senggarang ini juga, ini saya hendak bercakap tentang sungai sahaja dahulu, Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Kesah sungai ini dahulu, nanti baru kita naik ke darat, kita mandi dahulu, baru naik ke darat, lepas itu kita berjemur pula dengan api panas. Sungai Senggarang yang dahulunya juga tempat nelayan, hari ini apa jadi kepada Sungai Senggarang, menjadi hitam pekat hinggak ikan haruan, ikan keli yang hitam itu pun tidak nampak lagi bayangnya dalam sungai. Pergi ke Sungai Batu Pahat, tempat di mana dahulunya udang galah di Sungai Batu Pahat ini satu hasta panjangnya. Udang galah ini betul-betul udang galah, bukan udang gantung, udang galah yang sepitnya biru macam udang galah di Sungai Niah di Sarawak itu. Besar-besar udangnya, habis sudah kerana adanya pencemaran.

Kalau di simpang kiri, simpang kanan Sungai Batu Pahat dahulu sebelum adanya pencemaran alam, saya tidak hendak kata pencemaran alam ini kerana buangan alat kimia atau kerana kilangkah atau kerana asid daripada kilang getah, tetapi ceritanya sekarang ini Kualiti Alam Sekitar—pencemaran alam. Siapa yang

menyebabkan Sungai Batu Pahat itu cemar, periksalah sendiri. Kita kena siasat. Mengapa nelayan-nelayan yang ada di Sungai Batu Pahat sekarang mengeluh. Kalau di Kuala Sungai Batu Pahat dahulu adalah satu tempat di mana di situ lubuk ikan, sekarang Pulau Sialu yang ada di Kuala Sungai Batu Pahat itu sudah kontang, sudah tidak ada lagi seorang suku kaum kita yang duduk di Pulau Sialu itu yang duduk di situ, mereka berpindah ke tempat lain, kerana rezekinya sudah pupus.

Saya naik lagi sedikit balik ke Sungai Sarang Buaya. Namanya Sungai Sarang Buaya, kalau orang di sebelah Muar, sebelah Batu Pahat, dia tahu peristiwa Sungai Sarang Buaya. Mengapa dikatakan Sarang Buaya, bukan tempat itu tempat sarang buaya, bukan—tempat itu banyak udang, banyak ikan. Ini sikap nelayan kalau tempat yang banyak udang, banyak ikan, dia akan berkata kepada kawannya tempat buaya. Jadi orang lain tidak masuk ke situ, untuk dia sahaja hendak punggah. Ini tamaknya kaum nelayan ada juga. Jadi sekarang apa jadi kepada Sungai Sarang Buaya—tidak ada apa-apa lagi kerana adanya pencemaran yarig datangnya daripada sebelah Batu 18 Ait Itam, Yong Peng sana pencemaran alam ke Sungai Muar.

Kalau Sungai Muar pada satu masa dahulu terkenal dengan tiram, berapa ratus keluarga, berapa banyak nyawa yang hidup bergantung kepada hasil tiram di Kuala Sungai Muar. Ini juga kalau orang yang gemar kepada cara melancong, menengok bagaimana orang mengambil tiram di Sungai Muar dan paling senang, hanya dicacakkan sebatang buluh yang sepanjang 15 atau 16 kaki, dia menyelam ke bawah, dia kopek tiram dicelah-celah batu. Satu pot tin rokok itu harganya beringgit. Memang mahal harga tiram ini. Ini adalah suatu makanan yang paling baik mengandungi zat protin yang tinggi tetapi hari ini tiram yang ada di Kuala

Sungai Muar di kanan kiri Tanjong Agas dan Tanjong Ketapang itu pupus, sudah tidak ada apa-apa lagi tiram di situ. Ini juga kerana pencemaran.

Jadi pencemaran yang seperti ini membunuh kepada hidup-hidupan laut. Kemudian di Melaka—Sungai Linggi. Baru-baru ini heboh kaum nelayan di Sungai Linggi yang bergantung hidup kepada kehidupan sungai juga motorbot dan sampannya terpaksa tersadai, disadaikan bukan tersadai lagi, disadaikan naik, sebab turun ke laut pun tidak ada apa-apa. Kalau dahulu turun sepetang boleh dapat sampai \$20—\$30 tetapi hari ini turun sehari hendak mencari \$3 pun tidak dapat, juga kerana pencemaran yang berlaku daripada Sungai Linggi. Sungai Linggi ini ietaknya di antara sempadan Negeri Sembilan dengan Melaka, tetapi hulunya berada di Rantau, Negeri Sembilan, berada Seliau, di satu pekan kecil namanya Seliau, pekan kecil namanya Rantau di situ berapa kilang-kilang getah, kilang kelapa sawit yang membuang sisa-sisa kilangnya dibawa sehingga sepanjang-panjang Sungai Linggi, tidak lagi mempunyai penghuni-penghuni sungai.

Kemudian kita pergi pula ke Sungai Sepang. Sungai Sepang dahulu sempadan Selangor dengan Negeri Sembilan. Orang boleh memasang, membuat kelong di tengah-tengah Sungai Sepang di belakang pekan Sungai Pelek dengan Bukit Pelandok. Orang boleh memasang jaring di Sungai Sepang. Bukan di kuala Sungai Sepang, bukan di Selat Melaka, di dalam Sungai Sepang berhampiran dengan pekan Sepang, ibu pejabat daerah Sepang tetapi apa yang ada hari ini di Sungai Sepang, dengan adanya pencemaran alam sekeliling.

Kemudian kita pergi, tidak ada lagi sungai selepas itu ada selat-selat antara Pulau Carrey dengan Pulau Lumut. Ini pencemaran laut yang dibuat oleh kapal-kapal yang berlabuh di

pelabuhan kita di Selat Kelang pergi kepada Sungai Kelang—pencemaran Sungai Kelang.

Sungai Kelang ini kalau kita buka sejarahnya, Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah kampung ada di tepi Sungai Kelang itu, kampung yang baik, kampung yang penghidupannya maju, mewah tetapi apa yang ada hari ini di Sungai Kelang, lalulah di Jambatan Kota, lalulah di jambatan yang baru disebelahnya pula, kita hanya akan tengok keladak, sampah, kiambang yang hanyut, tidak ada lagi satu biji, satu buah pun kolek ataupun nading nelayan yang mencari rezeki daripada Sungai Kelang.

Sungai Kelang hari ini lebih pekat daripada kopi susu, tidak ada langsung hidupan sungai yang sanggup hidup di situ. Ini kerana kesan-kesan daripada pencemaran alam. Sudahlah begitu pula dikanan kiri Sungai Kelang ini menjadi tempat pembuangan sampah sepertimana baru-baru ini berlaku di Telok Menegun, Sungai Kandis dan Telok Gong, mengapa keadaan yang seperti ini berlaku.

Kita naik ke sungai Kuala Selangor. Sungai Kuala Selangor terkenal dengan Telok Penyamun, Sungai Tengkorak. Di situ orang boleh hidup dahulu tetapi hari ini apa yang ada di kuala sungai Selangor, anak kerang, di situ ada projek membiak kerang pun juga menerima akibat daripada adanya pencemaran alam. Kerang yang ada di situ pun kadang-kadang terasa minyak.

Jadi, daripada Kuala Selangor saya sudah cerita sampai ke Sungai Benut, barangkali kita biasa ada yang pergi ke Morib. Di Morib ini ada satu hidupan air yang paling enak iaitu kepah. Tetapi kepah di Morib hari ini bukan sahaja berbau minyak malah kepah di Morib itu pun sudah tidak hidup lagi. Kalau dahulu duduk satu jam di Pantai Morib kita boleh dapat satu bakul kepah tetapi hari ini kalau duduk di Pantai Morib satu hari, jawabnya boleh dapat

kepah tetapi kena beli, bukan korek sendiri dengan tangan; dahulu korek sendiri dengan tangan. Tetapi kerana ada pencemaran alam yang dibuang oleh beberapa kilang yang ada di sekitar, maka kepah itu pun merajuk. Saya tanya orang Melaka, adakah kepah di Melaka? Tidak ada, pindah ke Johor, tidak ada, sebenarnya benda ini pupus. Hidupan air akan pupus kerana dia tidak tahan.

Baharu-baharu ini saya dengar ada satu kajian dibuat sama ada oleh Kementerian ini atau oleh badan lain mencedok air di Pantai Morib itu dikaji kerana ada laporan kononnya pelancong daripada luar negeri mengatakan air di Pantai Morib itu tidak boleh buat mandi-manda lagi kerana apabila mandi di Pantai Morib gatal. Konon kalau air pasang besar, mandi di Pantai Morib badan berminyak, sama ada betul atau tidak saya rasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini dapat memberi penjelasan. Seheinggakan orang hendak makan kepah ataupun kalau dapat sedikit kerang di Pantai Morib itu terasa jijik hendak makan kerana adanya pencemaran daripada sisa-sisa ternakan di darat yang mengalir di beberapa buah sungai kecil yang pergi ke perairan di Pantai Morib.

Tuan Yang di-Pertua, itu sungai. Jadi, kalau hendak cerita sungai sebelah Pantai Timur pula banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, cukuplah setakat itu saya rasa saya membawa kesah-kesah sungai kerana pupusnya sungai ini kerana pencemaran alam. Daripada apa yang disebutkan oleh seorang sahabat saya tadi daripada sungai yang kotor itu juga dipam airnya untuk minuman orang ramai; minuman rakyat. Di tempat saya Kuala Langat pernah berlaku beberapa kali kerana pencemaran alam, air yang keluar daripada paip kita itu betul-betul macam minyak kelapa sawit sepanjang satu minggu, Tuan Yang di-Pertua. Buat mandi tidak boleh, buka sahaja air tadah tapak tangan betul-betul bau

macam hampas kelapa sawit .satu minggu lamanya. Sudah beberapa kali keadaan ini berlaku, ini juga kerana pencemaran alam, bukan salah kilang. Kilang dibuat di ulu Sungai Langat itu tidak salah tetapi pembuangan sisa-sisa ke sungai itu yang tidak betul. Jadi, barangkali kalau satu kali denda dia tidak terasa teruk, dua kali denda, tidak teruk, tiga kali denda pun dia masih senyum, rampas sahaja kilang itu dijadikan milik Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa keadaan yang seperti ini berlaku. Seperti saya katakan tadi tahu pembangunan. Yalah kita memang hendakkan pembangunan kerana adanya pembangunan ini maka perubahan di muka bumi kita pun berlaku. Perubahan di muka bumi kita berlaku, perubahan di sungai-sungai berlaku kerana pembangunan. Jadi, kerana pembangunan keadaan alami kita tercemar maka kita buat Akta. Akta sahaja tidak memadai. Seperti saya katakan tadi, bagaimana cara hendak menyedarkan, kalau dalam kempen dadah macam itu punya teruk sampai tunjuk tali gantung pun orang tidak takut apa lagi dengan tulis papan kenyataan denda \$2,000, orang senyum. Kempen anti dadah itu tunjuk tali gantung, boleh dikatakan tiap-tiap malam nampak tali gantung tidak takut, apa lagi kalau setakat denda sahaja.

Jadi, bagaimana, saya hendak tanya kepada Kerajaan, Yang Berhormat Menteri, bagaimana cara Kementerian ini mahu menyedarkan mereka yang terlibat dengan pencemaran alam sekitar ini supaya mereka ini memberhentikan kegiatan-kegiatan buruknya itu, itu sahaja. Udara - tadi sungai, sekarang udara. Siapa yang tidak mahu udara bersih. Orang bandar hari minggu pergi ke Teluk Kemang atau ke Morib, orang Kuala Lumpur hendak berehat, menyedut udara bersih. Kerana 6 hari menyedut udara kotor yang penuh dengan asap, dengan gas, dengan debu, dengan itu,

dengan ini, hari Ahad pergi ke Teluk Kemang atau pergi ke Morib kerana hendak menyedut udara bersih. Tetapi sebelum sampai ke Teluk Kemang, sebelum sampai ke Morib di beberapa batang jalan akan terhidu bau yang busuk, udara yang busuk sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab tadi. Daripada bau busuk ternakan haiwan babi, ini telah beberapa kali saya sebutkan di dalam Dewan ini.

Bagaimana dengan orang yang setiap hari menyedut bau busuk itu. Ini saya boleh cerita daripada Kukup, daripada Rembah, daripada Rimba Terjun sampai ke Pontian, sampai ke Segarang, sampai Kores minyak beku, sampai ke Parit Jawa, sampai ke sebelah Melaka Linggi, sampai ke Port Dickson, sampai ke Bukit Pelandoknya, Sepang, Tanjong Sepat, Batu Laut, sampai di kawasan Kelang, sampai ke Kuala Selangor, sampai ke Bayan Lepas—di Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang duduk dekat terminal sana terbau.

Bagaimana dengan orang yang duduk di rumah flat di kawasan perumahan. Ini rakyat kita yang makan ternakan itu, biarlah dia berternak tidak menjadi masalah kepada kita. Tetapi macam mana hendak menghilangkan bau ini, ini masalahnya. Jadi, cerdik pandai kita, saintis-saintis kita yang belajar dalam negeri atau luar negeri cubalah cipta satu jenis bahan ubat kimia, air atau minyak yang boleh diberi makan minum kepada babi itu supaya apabila dia berak tidak busuk itu sahaja saya minta. Sudah lama saya bercakap hal ini—itu sahaja. Kalau saintis buat itu, boleh buat ini, pasir laut jadi terrazo, pasir laut jadi marmar tetapi ciptalah satu jenis minyak atau air atau powder—tepung yang dicampurkan ke dalam makanan haiwan itu tadi apabila dia berak penuh parit, penuh sungai ini masalahnya. JPT korek sungai, babi berak penuh sungai, tidak

percaya pergilah ke Bukit Pelandok, tengoklah kalau tidak percaya. Tidak sampai dua minggu penuh, fasal dia makan satu hari setengah guni seekor.

Kalau seorang berternak 200 ekor seratus guni maka Bukit Pelandok adalah pengeluar babi yang terbesar di dalam Malaysia. Saya tidak larang masalah dia hendak bela babi itu, yang saya minta sekarang ini cuba dicari jalan bagaimana bau busuk tahi babi itu boleh dihapuskan, itu sahaja. Kalau sudah hilang bau busuk hendak bela beberapa banyak pun boleh sehingga jadilah negara kita ini pengeluar babi terbesar dalam dunia pun tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua, itu masalah babi, ini masalah penternak ayam menjadi hal juga. Tahukah, Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini sebuah kampung Seri Jiding di Kuala Langat diserang lalat. Lalat yang ada daripada reban-reban ayam yang beribu ekor yang rebannya berpuluh, beratus reban di bawah pokok kelapa sawit, ini keuntungan orang tanam kelapa sawit, apabila pokok kelapa sawit itu tinggi mencapai kepada lima enam depa dia buat, reban ayam, dia ternak ayam sebanyak-banyaknya maka lalat yang mengurung tahi ayam tadi itu sudah puas dia menghidu tahi ayam tiga bulan dia pindah ke kampung; keluar gambar. Diletakkan lidi penyapu dibubuhnya pelekat, itu macam bunga manggar yang kerja kahwin itu, Tuan Yang di-Pertua, itu bukan lidi diletakkan sehari, tidak sampai sehari sekejap sahaja lalat itu mengurung sudah penuh. Ini juga hendak ternak ayam ternaklah, tak apa, banyak-banyak ternak, lagi bagus lagi ayam murah, macam itu banyak ayam; ayam daripada negeri jiran pun masuk juga sampai baharu-baharu ini ayam terpaksa menghadapi krisis harga.

Yang saya minta begini, macam mana caranya berilah ahli sains kita buat makanan kepada kilang yang membuat makanan ayam tadi, awak

mesti campurkan dengan bahan ini, apabila awam awak makan makanan ini dia berak lalat tidak datang, cukuplah itu. Kalau macam itu kita punya saintis jempolan, kalau tidak kalau pun boleh buat menghapuskan bau busuk tahi babi dengan menghapuskan lalat, saintis kita belum mencapai kepada taraf yang dikehendaki oleh rakyat. Rakyat marah, apa saintis ini, menghilang bau busuk tahi babi pun tidak boleh, tidak usah cerita hendak kesah naik bulan, orang lain memang sudah naik, kita ikut sahaja.

Ini cerita di kampung, Kita hendak menghadapi pilihanraya, Tuan Yang di-Pertua, jangan main-main, ini kisah lalat, kisah tahi babi, kisah parit sebu, kisah udang galah tidak bergantung, ini dekat hendak pilihanraya. Saya tidak jadi calon, orang yang hendak jadi calon nanti akan menghadapi masalah ini. Saya kalau agak-agak jadi tukang ceramah, apabila disoal di televisyen, kita kata: Nantilah, kalau menang, dia boleh buat, dia buatlah, tidak boleh buat, sudah. Ini kita memang dekat dengan pilihanraya.

Jadi dua tiga perkara yang saya sebut ini, saya rasa saya telah menyampaikan hasrat orang yang selalu saya jumpai, penduduk di kampung tempat saya tinggal, kenapa perkara ini berlarutan begitu lama, keadaan pencemaran alam sekitar. Kalaulah barangkali definisi kualiti alam sekitar ini berlainan dengan apa yang saya sampaikan, itu saya tidak tahu, tetapi maksud saya, saya mentafsirkan bahawa kualiti alam sekitar ini termasuklah udara yang busuk, mencium tidak sedap, berjalan di atas surigai yang berkeladak, yang kotor, kita makan ikan yang kita kawatir ikan ini dia makan daripada makanan apa, kita menghidu udara ini bersih atau tidak bersih.

Pernah saya sebutkan bagaimana di kawasan industri Telok Panglima Garang, bagaimana orang di Kampung

Batu 9, Kampung Medan, Kebun Baru Batu 10, Kampung Teluk sentiasa dihujani oleh debu sehingga tidak boleh buka tingkap kerana nanti debu itu akan masuk ke dalam rumah, mengotorkan pakaian dan makanan. Tetapi kata Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak ada apa-apa, tetapi orang kampung sana cakap ada apa-apa. Jadi apabila timbul, sebab itu di Kampung Medan Batu 9, Sejangkang, PAS kuat sehingga ia membuat ijtimak, Al-mustadha'fin menentang kezaliman kerana Kerajaan zalim, kita hendak buka tingkap pun tidak boleh kerana kilang, kilang yang Kerajaan suruh buat, habuknya, asapnya masuk ke rumah kita. Ini patut kita betulkan.

Buatlah kilang berapa banyak, buatlah, tetapi macam mana cara kilang yang boleh dibuat yang tidak mengeluarkan asap, itu yang patut dibuat. Cari jalan macam mana kilang yang tidak mengeluarkan asap, asapnya asap yang kotor. Kalau asap yang putih-bersih kita tengok pun cantik, berkepul-kepul, puas mata, memandang. Tetapi kalau asap yang hitam-legam, kalau bila dia turun balik ke bawah menjadi awan, masuk ke rumah-rumah, lempeng yang putih jadi coklat, yang coklat langsung jadi hitam! Takkah orang kampung marah? Maka Barisan hendak mempertahankan kawasan itu. Kalau isu itu digunakan dalam pilihanraya, 4-5 Polling Station di situ, teruk kita. Itu kita kena jaga. Denda sahaja tidak berkesan, katanya. Jadi kalau denda tidak berkesan, rampas sahaja kilang itu.

Saya berharap kepada ahli-ahli saintis kita yang ada di dalam Kementerian ini supaya dapat mencari formula. Kalau dua perkara ini selesai—satu, bau busuk tahi babi; yang keduanya lalat daripada reban ayam; yang ketiganya ikan-ikan dan udang-udang di sungai boleh hidup sukaria balik semula, kalau saya masih ada dalam Dewan ini, saya tetap akan

mengenang jasa ahli-ahli saintis kita dalam negara kita yang dapat menjayakan kehendak rakyat dalam hal ini. Saya akan sanjung setinggi-tingginya, saya akan kenang selama-lamanya. Berbaktilah kepada bangsa dan negara!

Pengundi kita di luar bandar tidak tahu perkara yang besar-besar, dia tidak tahu perkara yang tinggi-tinggi, dia tahu inilah dua tiga hal sahaja. Jadi saya pun tidak tahu yang tinggi-tinggi, saya tahu inilah dua tiga perkara ini. Tetapi kalau ini boleh diselamatkan, perkara-yang lain boleh orang fikir, semua sudah selamat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 dengan beberapa pindaan-pindaan dan jika sekiranya pindaan-pindaan ini barangkali tidak juga memuaskan, kita akan pinda lagi sehingga membolehkan, kalau boleh dibuat satu pindaan lagi dalam Akta Kualiti Alam Sekitar ini, membolehkan si 'A' menyaman si 'B' dalam mahkamah kerana lalat datang daripada rumahnya, mengacau rumah si 'B'. Jadi ini tidak ada dalam Akta ini. Kalau ada dalam Akta ini si 'A' boleh menyaman si 'B' kerana bau busuk yang dihidu selama 6 bulan sehingga anaknya kerdil kerana mencium bau busuk, itu keadilan namanya. Jadi mungkin orang yang menyebabkan datangnya bau busuk itu akan berfikir dua kali. Ini kalau perlu, cuba kita buat begitu.

Pencemaran udara sekarang bunyi motor yang bising di dalam kawasan-kawasan perumahan jalan-jalan hanya 10' daripada pintu, bunyi scrambler kalah bunyi machine-gun, anak kita tengah tidur nyenyak, dia berlumba tengah malam, kejar pun tidak boleh buat apa-apa, tetapi kalau Haji Shaharom boleh saman penunggang motor nombor sekian, baru budak-budak ini berhenti, dia berhenti naik motor tengah malam round keliling kampung.

Di tempat saya berlaku macam itu, tidak tahulah kalau di tempat Ahli-ahli Yang Berhormat, tempat Menteri duduk tidak ada bunyi bising, memanglah tempat Menteri duduk siapa hendak kacaukan! Tempat Menteri duduk memang amanlah, sihatlah dan tidak ada apa-apa. Tempat rakyat duduk, bunyi motor yang bising, bunyi bas kilang yang masuk pukul 2.00 pagi, anak bayi 2 bulan sampai terkejut terbeliak mata. Sebab itulah orang Melayu kata, sudah pukul 2.00 pagi terbeliak mata, ini kena polong. Yang sebenarnya ini bukan polong tetapi kerana bunyi bas, bunyi motor yang terlolong-lolong tengahmalam itu yang mengagetkan anak bayi tadi sehingga terbeliak matanya, kaku dia. Tidakkah ini juga pencemaran kualiti alam sekitar kita. Ini kalau boleh penduduk Taman 'A' menyaman pemandu bas Ini, penduduk Taman 'B' menyaman penunggang motor yang nombor sekian, saya rasa ada sedikit kendur.

Kelakuan-kelakuan yang seperti ini yang menyebabkan kadang-kadang orang marah. Asap kotor bukan tanggungjawab JPJ, katanya pula. Dahulu saya dengar ada satu alat, apabila tengok asap lori keluar, tahan tengah jalan, ada pula mesin macam pengepam carpet, entah apa namanya, wallahualam bissawab, saya pun tidak tahu hal ini, selepas itu hilang pula. Apabila selepas ini bising sedikit dalam Dewan ini, besok pagi adalah sekatan jalan raya, test pula bas-bas semua tengok, selepas itu hilang lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang susah kita hendak cakap, cakap lebih sedikit nanti tersinggung, kita tidak cakap pula kita tidak lepas dosa, jadi kena cakap jugalah. Cuma yang diharapkan ialah kerjasama dari semua pihak. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri juga meminta kesedaran rakyat, ini maknanya kesedaran daripada semua pihak, tidak kira yang menjalankan tugas, yang akan menerima tugas, yang akan menerima beban Akta ini, rakyat biasa yang akan

terkena Akta ini, mereka yang terlibat terlepas dari Akta ini, supaya dapat kita perbetulkan, kita perbaiki daripada satu masa ke satu masa kerana tujuan kita tadi ialah untuk menjaga, memperbaiki keadaan-keadaan alam sekitar kita, alam seketiling kita.

Mula-mula hendak cegah, cegah tidak boleh; hendak hapus, hapus tidak boleh. Dalam pada itu cemar datang juga, sekarang hendak memperbaiki. Di Kuala Lumpur ini, alhamdulillah, sudah baiklah, nampaknya pokok-pokok bunga, jalan-jalan, lorong orang berjalan kaki pun cantik, sampai tidak nampak batu terlanggar tiang lampu. Punya syok jalan di Jalan Raja Laut itu, jalan sudah halus, tidak ada lopak-lopak lagi, terlanggar pula tiang lampu. "Apa letak tiang lampu tepi jalan!", sudah salahkan tiang lampu pula! Pada hal dia berjalan itu menengok Bank Islam, dia hendak tengok Bank Islam tidak nampak tiang lampu. Begitulah manusia ini, kalau diletakkan di tempat yang indah sehinggakan dia khayal, diletak di tempat yang agak kelam-kabut, dia gelisah, dia bising.

Jadi Akta ini, insya Allah, kalau tujuannya tadi untuk hendak mencegah, menghapus, mengawal pencemaran, memperbaiki pencemaran, kalau ada tanggungjawab, kerjasama, dedikasi semua rakyat, semua lapisan penduduk dalam negara kita ini, insya Allah, kita lihat dan kita tengok supaya keadaan-keadaan yang buruk tidak akan berterusan berlaku di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

5.20 *ptg.*

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, ingin

saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) serta menyokongnya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara yang serupa dan dalam pada itu saya bercadang memberi jawapan-jawapan pada hujah-hujah tersebut. Walaupun Kementerian saya bertanggungjawab untuk mengawal pencemaran dan melindungi alam sekitar disebabkan bekalan undang-undang masa kini dan sistem urusan Kerajaan yang tiga peringkat, kebanyakan aktiviti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti perlombongan, kilang batu, kemajuan tanah, ternakan babi, perolahan najis dan pelupusan sisa pepejal dan sampah sarap adalah dalam bidang kuasa pihak Kerajaan Negeri atau Majlis Tempatan. Pihak-pihak Kerajaan Negeri dan Majlis Tempatan adalah pihak yang mengeluarkan lesen bagi aktiviti-aktiviti tersebut yang merupakan sumber-sumber pencemaran yang utama.

Dalam pada itu Kementerian saya sedang berusaha untuk mengurangkan atau mengatasi masalah pencemaran dari sumber-sumber ini dengan cara-cara berikut:

- (1) memberi garis panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap pencegahan hakisan tanah dan pelodakan. Penempatan dan pengezonan industri, pengurusan sisa-sisa toxic dan merbahaya dan kod amalan untuk pelupusan buangan pepejal di atas tanah;
- (2) memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai dimensi alam sekitar di dalam rancangan pembangunan, keperluan

kawalan alam sekitar, menyediakan pelan induk, pelan struktur, pelan wilayah dan pelan tempatan;

- (3) mendesak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri mengenai alam sekitar serta melibatkan pegawai-pegawai alam sekitar di pejabat-pejabat wilayah untuk menyertai Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri yang berkaitan;
- (4) mengadakan kajian penilaian kesan-kesan kepada alam sekitar yang akan diwajibkan seperti yang dicadangkan di dalam pindaan kepada Akta Ibu; dan
- (5) menubuhkan Pasukan Petugas Khas mengandungi wakil-wakil dari lain-lain agensi seperti Kerajaan Tempatan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerjaraya, Kerajaan Negeri dan sebagainya seperti yang sedia ada untuk Lembah Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah bunyi bising yang berlebihan di beberapa tempat, perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian saya yang sedang menggubal satu peraturan untuk mengatasi masalah ini. Dalam hal ini kerjasama beberapa Kerajaan-kerajaan Tempatan adalah perlu dan diperolehi.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh pelepasan sisa-sisa toxic dan merbahaya dan saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya bekerjasama dengan beberapa Kerajaan Negeri untuk merangkakan satu kemungkinan projek untuk pelepasan yang selamat bagi sisa-sisa tersebut. Peraturan-peraturan bagi mengawal pelepasan sisa-sisa toxic dan merbahaya ini yang mana termasuk pengangkutan dan pengolahannya akan diwartakan tidak lama lagi.

Berhubung dengan sampah sarap dari rumah-rumah kediaman dan perbandaran, saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan-kerajaan tempatan telah mempertingkatkan lagi pengurusan mereka untuk pelepasan sampah sarap dan kalau boleh sampah sarap ini diolah untuk digunakan semula atau dengan izin, recycling of wastes. Masalah pencemaran air dan bau busuk telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan ingin saya menyatakan bahawa bagi kilang-kilang getah, satu sistem pengolahan telah pun disediakan oleh pihak-pihak pekilang. Kadangkala sistem ini mungkin tidak berjalan dengan licin dan menyebabkan keadaan bertarribah buruk. Pihak kilang sepatutnya menentukan sistem itu berjalan dengan cekap sepanjang masa.

Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Mohd. Said merujuk kepada kilang MARDI di Durian Tunggal, Melaka. Untuk makluman beliau kilang MARDI itu telah diminta untuk membetulkan lagi pembersihan air. Keadaan di kilang MARDI diawasi dari masa ke semasa. Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana membawakan hal ini untuk perhatian saya dan saya harap beliau akan terus memberitahu saya ketika berlakunya kes-kes pencemaran. Matlamat kita ialah mencapai prestasi yang tinggi dalam masa yang agak singkat untuk mengatasi masalah pencemaran air serta berjaya mencapai standard-standard yang dikenakan di dalam undang-undang.

Saya bersimpati dengan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wabah bin Haji Abu Bakar di atas masalah memandu kereta dalam keadaan df mana penglihatan beliau diganggu oleh keadaan pencemaran udara yang berpunca dari sebuah kilang. Dalam hal ini saya meminta Yang Berhormat

untuk menulis surat kepada saya supaya memaklumkan tempat kejadian yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, terhadap masalah pencemaran yang berpunca dari kebakaran terbuka, Jabatan Alam Sekitar akan mempertingkatkan lagi kerja-kerja penguatkuasaannya, lebih-lebih lagi dengan kerjasama Majlis-majlis Perbandaran dan Kerajaan-kerajaan Tempatan.

Berkenaan dengan lori-lori yang mencemarkan udara, Jabatan Alam Sekitar selain daripada menguatkuasakan undang-undang, juga mengadakan majlis dailog dengan tuanpunya-tuanpunya kenderaan bas serta lori untuk mengatasi masalah ini.

Masalah hujan asid atau "acid rain" tidaklah timbul di negara kita dan keadaan udara kita akan terus terkawal. Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia dengan kerjasama Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia di bawah Kementerian saya dan universiti-universiti tempatan sedang meneruskan kajian mengenai hal ini yang mana pada masa kini dialami oleh negara-negara maju di Eropah dan Amerika Utara. Dalam hubungan ini, selain daripada mengkaji masalah hujan asid, Jabatan Alam Sekitar dalam program pengawasan kualiti udara amnya telah mewujudkan satu pasukan antara agensi-agensi untuk sentiasa mempertingkatkan rangkaian stesen-stesen pengawasan kualiti udara di negara ini. Agensi-agensi yang terlibat di dalam rangkaian ini termasuk juga Lembaga Letrik Negara, PETRONAS, Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya dengan pandangan Yang Berhormat Senator Abdul Ghani bin Haji Othman bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah hanya satu cara untuk mengatasi masalah pencemaran dengan keseluruhannya. Peranan orang ramai dan tiap-tiap anggota

masyarakat adalah mustahak untuk menjamin keadaan alam sekitar yang bersih dan selesa untuk masa kini dan bagi jenerasi yang akan datang. Dalam hal ini Kementerian saya sedang mempertingkatkan lagi program pendidikan melalui beberapa bentuk dan juga menggunakan saluran penyiaran dan penerangan untuk mendidik murid-murid sekolah, pembuat-pembuat keputusan, perancang-perancang pembangunan dan juga orang ramai. Pendidikan alam sekitar merupakan satu aktiviti yang mustahak di dalam program perlindungan alam sekitar. Walaupun demikian, saya ingin menegaskan bahawa undang-undang adalah perlu juga dan untuk menentukan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling dengan sepenuhnya, kerjasama pihak berkuasa adalah penting.

Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya bahawa Kementerian saya setelah mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Ke 49 Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar akan memberi perkhidmatan dan menyediakan pakar-pakar teknikal untuk membantu Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan Negeri terhadap hal-hal alam sekitar. Kementerian saya telah pun menghubungi tiap-tiap Kerajaan Negeri untuk mencadangkan supaya mewujudkan satu Jawatankuasa mengenai Alam Sekitar untuk bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar. Beberapa Kerajaan Negeri, termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Johor dan Melaka telah pun menubuhkan Jawatankuasa tersebut, manakala Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai Kementerian Alam Sekitar Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga mewujudkan berbagai program pengawasan, kajian dan

penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa agensi Kerajaan, termasuk universiti-universiti tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Abdul Ghani bin Haji Othman, Kementerian saya sering mengumpulkan hasil-hasil kajian yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah pencemaran yang ada dan yang akan dihadapi. Kementerian saya juga telah dan terus membuat "inventory" punca-punca pencemaran serta menilai keadaan atau kualiti alam sekeliling. Maklumat-maklumat yang terkumpul dan setelah menilai dengan cara saintifik, adalah menjadi asas kepada segala program yang diwujudkan dari masa ke semasa. Jabatan Alam Sekitar akan mewujudkan satu panel pakar-pakar tempatan yang akan membantu menetapkan kriteria dan standard-standard yang patut dipatuhi di negara ini. Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar telah memberi satu projek kajian kepada Universiti Malaya untuk merangkakan kriteria dan standard-standard yang dimaksudkan itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keadaan kualiti alam sekeliling adalah dilaporkan di dalam Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling dan laporan yang terbaru akan dikeluarkan pada awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keraguan Yang Berhormat Senator Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor ke atas Fasal 13, sukacita saya menjelaskan bahawa peruntukan ini tidak akan membantutkan segala urusan kelulusan projek oleh kerana kata atau keputusan terakhir adalah terletak di bawah pihak-pihak berkuasa yang tertentu, termasuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri atau Tempatan melalui Majlis-majlis Tindakan Negeri.

Mengenai Fasal 17, saya ingin menjelaskan di sini bahawa tidak ada

masalah pertindihan atau "overlapping" di antara agensi-agensi yang akan berlaku. Standard-standard yang sama akan dikuatkuasakan oleh mana-mana agensi penguatkuasaan yang terlibat di bawah Akta ini dan undang-undang lain, dan juga Fasal ini diliputi bidang-bidang yang belum dikawal di bawah undang-undang lain yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping memperbaiki Akta Kualiti Alam Sekeliling, Kementerian saya sedang mengkaji cadangan penyusunan semula struktur dan organisasi Jabatan Alam Sekitar supaya kesemua peruntukan di dalam Akta ini, termasuk pindaan yang dicadangkan, akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan cekap. Dalam pada itu, pengwujudkan sebuah Kementerian khas untuk Alam Sekitar tidaklah perlu setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan hasrat Yang Berhormat Senator Harun Hassan bahawa pengurusan alam sekitar adalah rumit. Kerajaan sepanjang masa mesti menimbang dengan teliti matlamat-matlamat pembangunan dengan hasrat untuk memelihara dan mengawal keadaan alam sekitar supaya kesan-kesan yang buruk dan tidak diinginkan tidak timbul. Untuk menimbang kedua-dua matlamat ini penilaian alam sekitar ke atas projek-projek pembangunan perlu diadakan.

Mengenai kemungkinan tumpahan minyak di laut, Kementerian saya dengan kerjasama dengan sebanyak 19 agensi-agensi lain termasuk PETRONAS telah mewujudkan satu rancangan contingency untuk mengawal dan mencegah tumpahan minyak. Tiap-tiap tahun satu latihan diadakan untuk menguji persediaan semua agensi yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom Maasom, Kementerian saya telah mengkaji

keadaan kebanyakan sungai termasuk juga sungai Benut. Hasil-hasil dari kajian itu menunjukkan bahawa pencemaran bukan satu faktor sahaja yang menyebabkan kemerosotan atau kehilangan sumber-sumber perikanan dan hidup-hidupan yang lain. Keadaan semula jadi tanah di situ, terutama selepas musim kemarau menjadikan air Sungai Benut itu seperti asid. Keadaan semula jadi seperti ini tidak boleh juga menampung apa-apa bentuk kehidupan sekalipun.

Mengenai keadaan-keadaan sungai yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, Kementerian saya sedang menjalankan kajian dengan bantuan Universiti Malaya bagi menetapkan kriteria dan standard-standard bagi berbagai jenis kegunaan sungai sama ada untuk minuman, perikanan, perairan dan bagi tujuan-tujuan pembangunan yang lain.

Dengan terbentuknya kriteria-kriteria dan standard-standard itu, sungai-sungai di Malaysia dikelaskan untuk kegunaan yang tertentu. Dengan ini, Kementerian saya akan memperketatkan lagi kawalan-kawalan pencemaran di lembah-lembah sungai yang tertentu.

Soal pengetahuan teknologi dan kepakaran tidak kurang di negara ini. Apa yang kurang adalah kemampuan kewangan petani-petani untuk membina loji-loji atau alat-alat pembersihan air sebelum air itu dilepaskan ke taliair dan sungai-sungai

Masalah alam dan juga pencemaran sungai misalnya, bukan kerana kecuaihan pihak Kerajaan atau ketidakpakaran para saintis kita, tetapi adalah petani-petani atau penternak-penternak kita yang tidak memberi perhatian kepada keadaan kebersihan kawasan ternakan mereka. Bukan Kerajaan yang cuai, tetapi orang ramai yang cuai, yang mempunyai sikap yang terbiar dan tidak positif.

Mengenai kes-kes tertentu yang disebut oleh Yang Berhormat itu, silalah tulis surat kepada saya dengan memberi butir-butir yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian ke atas soal alam sekeliling. Ia adalah sebagai petanda bahawa suatu kesedaran untuk menentukan alam sekitar yang sebenar telah wujud dan ini adalah suatu tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap lapisan masyarakat Malaysia sama ada mereka tokoh politik ataupun orang perseorangan.

Ingin saya menyatakan bahawa lain-lain teguran yang dibangkitkan dan nasihat-nasihat yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh saya, khasnya perkara-perkara yang terlibat dengan Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kah yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
ORANG-ORANG PAPA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

**Menteri Kebajikan Masyarakat
(Dato Abu Hassan bin Haji Omar):**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977 dibaca kali yang kedua sekarang. Rang Undang-undang tersebut telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada semua peringkat dalam bulan Oktober 1985.

Tujuan meminda Akta Orang-orang Papa, 1977 adalah seperti berikut:

- (i) untuk menghadkan tempoh maksimum tahanan seseorang papa kepada tiga tahun;
- (ii) untuk memberi kuasa kepada Majistret untuk menambah tempoh tahanan itu tidak melebihi tiga tahun;
- (iii) untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk memendekkan tempoh tahanan; dan
- (iv) untuk menghadkan seliaan lanjutan untuk seseorang papa yang dilepaskan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun.

Dengan pindaan-pindaan tersebut, dapatlah tugas-tugas mencegah orang-orang papa dari mengemis dan seterusnya memulihkan mereka supaya dapat kembali ke pangkuan masyarakat dijalankan dengan lebih licin dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah seperti berikut:

Pertama, kuasa bagi menghendaki seseorang papa tinggal di rumah kebajikan di bawah Seksyen 3, subseksyen (4), Seksyen asal Akta ini

memperuntukkan bahawa seseorang papa boleh diperintah supaya tinggal di rumah kebajikan dengan tidak ditentukan lamanya sehingga Menteri berpuas hati yang ia boleh dilepaskan dari rumah kebajikan itu di bawah Seksyen 13 Akta itu. Akibatnya seseorang papa boleh ditahan di rumah kebajikan selama tempoh yang lebih lama daripada apa yang diperlukan dan keadaan ini telah menimbulkan pelbagai masalah ketidakpastian dan gangguan emosi ke atas orang papa itu yang boleh memudaratkan rancangan untuk memulihkannya. Peruntukan ini dipinda supaya perintah itu mempunyai satu tempoh tertentu tidak boleh melebihi tiga tahun bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Selain daripada itu, kuasa juga diberi kepada Majistret untuk melanjutkan perintah selama satu tempoh selanjutnya yang difikirkan patut dan tempoh ini tidak melebihi tiga tahun setelah ia berpuas hati dari satu laporan yang diberi oleh seorang pegawai Kebajikan Masyarakat bagi melanjutkan perintah itu. Peruntukan bagi menambah jangka masa tinggal bagi seorang papa di dalam rumah kebajikan adalah mustahak kerana tidak semua mereka dapat dipulihkan dengan jayanya dalam masa tiga tahun itu. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti keupayaan dan juga kemampuan seorang itu menerima latihan dan kemahiran adalah berbeza-beza dan lain-lain lagi.

Peruntukan ini sangat perlu supaya dapat memastikan bahawa seseorang dibebaskan setelah ia benar-benar dapat mengikuti latihan dan kemahiran secukupnya di dalam bidang-bidang tertentu.

Sayugia dimaklumkan bahawa berbagai latihan kemahiran diadakan bagi keperluan seseorang itu di bidang pertanian, jahitan, pertukangan kayu dan menggunting rambut. Kemahiran

di dalam satu bidang yang tertentu bagi seorang itu amatlah penting dari segi pemulihan selepas ia dibebaskan.

Yang kedua, memendekkan tempoh tamat tinggal di bawah Seksyen 13. Kuasa melepaskan seorang papa yang diterima masuk ke satu rumah kebajikan dicadangkan diberi kepada Menteri jika Menteri berpuas hati bahawa adalah adil dan patut berbuat demikian kerana sebab-sebab istimewa mengenai orang itu.

Yang ketiga, penyeliaan setelah dilepaskan di bawah Seksyen 16. Peruntukan baru ini bertujuan untuk memulihkan seorang papa itu apabila dilepaskan dari rumah kebajikan. Seorang papa itu hendaklah diletakkan di bawah seliaan seorang pegawai Kebajikan Masyarakat selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Cadangan bagi mengadakan peruntukan seliaan melanjutkan adalah difikirkan perlu bagi membolehkan seorang papa, itu diletakkan dibawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Di dalam jangka masa tempoh seliaan, orang papa itu akan mendapat bimbingan nasihat dan juga perkhidmatan penempatan pekerjaan ataupun bantuan dan bimbingan dari segi memulakan sesuatu rancangan perniagaan atau projek-projek yang sesuai bagi pemulihannya. Segala perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa rancangan pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan serta licin lagi.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan itu bukan sahaja akan membolehkan segala rancangan latihan dapat dijalankan dengan lebih teratur tetapi juga akan memberi lebih kekesanan terhadap kejayaan rancangan pemulihan ke atas seorang papa itu.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Persilakan Tuan Haji Jaafar bin Harun.

5.56 ptg.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin bercakap sepecah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977 yang mana kemudiannya Akta ini bolehlah dinamakan Akta Orang-orang Papa (Pindaan) 1985 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang papa ini sepertimana telah kita maklum ialah orang-orang yang suka merayau-rayau di tepi-tepi jalan, di pekan-pekan dan lain-lain yang mana kadang-kadang boleh mengganggu ketenteraman orang ramai. Kalau tidak pun mengganggu orang ramai tetapi juga orang ramai adalah terlibat sama dari segi perhatian, pandangan umum menimbulkan berbagai-bagai prasangka terhadap diri mereka orang papa itu sendiri ataupun kepada keluarga mereka kerana difahamkan kita manusia yang hidup di atas muka bumi ini pada asalnya tentulah ada warisnya atau keturunan sendiri. Jadi yang lebih tepat lagi setiap manusia ini

tentulah ada mempunyai keluarga atau saudaranya masing-masing. Hanya bilangan atau ramai keluarganya sahaja yang berbeza-beza. Ada yang ramai keluarganya, ada pula yang tidak ramai dan pula mereka itu keluarganya pupus. Dan ini kadang-kadang menyebabkan mereka merayau-rayau ke sana kemari menjadi fikiran mereka kurang siuman. Dari itu mereka ini bilamana agak mengganggu orang ramai, orang ramai akan mengadu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mereka ini pun ditangkap, dihantar di mahkamah dibicarakan dan jatuhkan hukuman terpaksa tinggal di tempat tahanan atau dalam satu rumah kebajikan, diasuh dan diberikan apa-apa kerja tangan yang sesuai bagi mereka dalam tempoh yang lama yang tidak dapat ditentukan beberapa lama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi Akta ini, kalau tidak silap saya, dikuatkuasakan semenjak tahun 1977 dahulu, maka pada hari ini Rang Undang-undang Orang-orang Papa ini barulah dibentangkan di Parlimen untuk diubahsuai, setelah mendapat beberapa pengalaman bagi kebaikan dan manfaat orang-orang papa itu sendiri kerana di bawah undang-undang yang lama orang-orang papa itu boleh tinggal, diam, di rumah kebajikan beberapa lama yang mana tidak dapat ditentukan masanya, sama ada tiga tahun, empat tahun ataupun lima tahun dan sebagainya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang besar yang saya nampak, jika mereka tinggal terlalu lama di rumah kebajikan itu, adalah ini boleh memutuskan hubungan kekeluargaan mereka kerana mereka kadang-kadang kesulitan untuk datang mengunjunginya. Oleh itu perjumpaan di antara orang-orang papa itu dengan keluarganya tidak begitu kerap. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, ini boleh mengganggu fikiran orang-orang papa itu sendiri. Kalau mereka itu sihat, mereka terasa seolah-olah mereka telah terbuang oleh saudara

maranya, menjadi bertambah kusut fikiran mereka. Kalau mereka itu tidak siuman fikirannya, maka tentulah mereka, kalau tidak pun bertambah penyakitnya, maka penyakitnya tidak akan menadi sembuh, sebab mereka merasa terasing, terpisah dari masyarakat. Oleh itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am kerana telah membuat pindaan dan membawanya ke Parlimen untuk disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan Akta ini iaitu Seksyen 3 Akta Orang-orang Papa, 1977, ceraian (a), (6) dan (c) serta pindaan seksyen 13, maka orang-orang papa yang telah ditempatkan di rumah-rumah kebajikan itu tidaklah tinggal di situ beberapa lama, hanya selebih-lebihnya tiga tahun sahaja. Selepas itu, mereka boleh balik kepada keluarganya dan boleh bersama-sama ke pangkuan masyarakat setelah berpisah beberapa lama, dan ini memberi peluang kepada mereka untuk hidup berdikari setelah mendapat latihan semasa berada di tempat tahanan.

Saya fikir, perkara yang paling menyeronokkan mereka ialah mereka dapat bergaul semula dengan keluarga mereka, setelah berpisah beberapa lama kerana, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang papa yang tinggal di rumah kebajikan itu, mereka ditahan bukanlah kerana kesalahan jenayah tetapi kerana masalah sosial. Dari itu saya fikir memanglah tidak wajar mereka ditahan berterusan beberapa lama kerana tidaklah adil kita tahan mereka beberapa lama. Mungkin apabila mereka dibebaskan, ini boleh memberi peluang untuk membaiki kelakuannya dan tidak payah lagi bagi mereka barangkali merayau-rayau dan ini boleh mendatangkan keinsafan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh seksyen baru 16 di Fasal 4

yang bertujuan penyeliaan pegawai kepada orang-orang papa yang telah dikeluarkan yang mana mereka itu telah balik ke pangkuan masyarakat dan keluarganya. Pada masa-masa yang lalu, orang-orang papa yang telah dikeluarkan dari rumah kebajikan ini, mereka dibiarkan begitir sahaja dan terpulanglah kepada mereka sendiri untuk berdikari mencari kehidupan bagi diri mereka sendiri. Tetapi dengan adanya undang-undang peruntukan baru ini, maka pegawai-pegawai dapatlah menyelia dan membimbing mereka ke arah berdikari untuk menyesuaikan diri mereka dengan keluarga dan masyarakatnya.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah kita maklum, pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat kita, terutamanya di daerah-daerah, yang menjalankan tanggungjawab kerjanya, memerlukan seliaan seperti akhlak, termasuklah kanak-kanak nakal dan gadis-gadis yang telah rosak akhlak, kes anak angkat, kes penganiayaan kanak-kanak, kes pelancaran yang diberi modal dan lain-lain lagi.

Jadi dengan penyeliaan terhadap orang-orang papa ini, bermakna bertambah lagi tugas kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh itu pada pandangan saya, perlu juga Menteri berkenaan memikirkan dari segi kakitangan pejabat, sama ada perlu ditambah ataupun sebagaimana yang difikirkan sesuai untuk pembahagian kerja itu diatur supaya penguatkuasaan Akta ini dapat berjalan dengan lebih berkesan lagi.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, di tiap-tiap daerah, pihak Kementerian telah menghantarkan beberapa orang pegawai untuk bertugas di tiap-tiap jabatan daerah. Dalam penempatan pegawai-pegawai di daerah ini, didapati ada pegawai yang ditempatkan di setiap daerah itu bilangannya tidak bersesuaian dengan

ramai penduduk di daerah itu serta beban kerja yang ada di tempat atau daerah itu.

Oleh itu saya berharaplah kepada Kerajaan patutlah meninjau dan menyiasat berapa diperlukan pegawai di sesebuah jabatan itu, Misalnya di Daerah Kuala Pilah, sekarang ini ada seorang Pegawai dan dua orang Pembantunya yang membuat kerja Jabatan Daerah—yang mana penduduknya lebih kurang seramai 68,000 orang mengikut banci 1980 dan sekarang ini mungkin bertambah lagi hingga 100,000 orang — yang menjalankan kerja-kerja keseluruhan kerja perkhidmatan kebajikan masyarakat. Oleh itu, saya memohon kepada Menteri yang berkenaan supaya ditambah lagi pegawai yang berkhidmat di Daerah Kuala Pilah untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah juga mendapat mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan berapakah angka orang-orang papa dalam tahunan yang menjalani berbagai-bagai latihan bagi tahun 1984 dan 1985 di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat kita juga telah mengeluarkan beberapa jenis bantuan, sama ada bantuan sekolah, bantuan bencana alam, bantuan pemulihan, bantuan pelancaran ataupun bantuan penyaraan orang-orang tua dan macam-macam lagi, termasuk bantuan bulanan kepada orang-orang miskin yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri telah memberikan bantuan itu di antara \$30-\$60 sebulan kepada orang-orang yang daif, orang-orang cacat, orang-orang tua dan juga balu yang mempunyai tanggungan, keluarga orang tahanan dan pesakit melarat yang mana pendapatan mereka ke bawah daripada \$150 sebulan.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, istilah bantuan kepada "orang-orang miskin", pada pendapat saya, ialah bantuan kepada golongan mereka yang disebutkan di atas tadi yang berpendapatan \$300 ke bawah. Ini yang sesuai dinamakan "orang-orang miskin". Jadi jikalau hendak diberikan bantuan, terpulanglah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Kementerian, termasuk juga nilai wang. Mereka yang terdiri daripada yang daif, yang cacat, orang tua ataupun balu yang mempunyai tanggungan, keluarga orang tahanan dan pesakit melarat yang mana pendapatan bulanannya \$150 ke bawah, saya fikir ini dinamakan "orang papa". Maka orang-orang ini, saya fikir, patutlah diberikan bantuan dan dipertimbangkan bantuan bulanan sekurang-kurangnya dalam lingkungan \$60 sebulan.

Bagi orang-orang papa seperti di negara-negara di sebelah Eropah sana atau di London misalnya ataupun di Brunei, sekurang-kurangnya di negara kita ini secara tak langsung, Kerajaan kita adalah menuju kepada amal kebajikan sesuai dengan nilai-nilai Islam untuk penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya suka menyentuh berhubung dengan hasil tangan orang-orang papa yang telah dibuat dalam latihan-latihan orang tahanan seumpama mereka yang telah membuat sampul-sampul surat. Jadi, sampul-sampul surat hasil kemahiran tangan orang-orang papa ini Kerajaan kita telah memberikan galakan sebagai kontrak tetap Kerajaan, tetapi masih ada banyak lagi hasil tangan orang-orang papa ini yang tidak mendapat kontrak Kerajaan yang tetap. Ini tentulah menyebabkan hasil tangan orang-orang papa itu tidak mendapat pasaran yang tetap. Oleh itu saya fikir Kerajaan patutlah memikirkan dan memberikan kontrak

yang tetap terhadap hasil tangan orang-orang papa ini sebagai penggalak dan perangsang kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahajalah dan dengan ini saya menyokonglah Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

6.10 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama bercakap dan memberi pandangan sedikit-sebanyak di dalam masalah meminda Akta Orang-orang Papa, 1977 yang dinamakan Akta Orang Papa, 1985, yang mana perkara ini adalah perkara yang amat penting sekati kepada kita semua sebab sebagaimana yang kita sama-sama maklum tidak ada siapa pun daripada seseorang manusia ataupun insan yang mahu kepada kemiskinan, kefakiran, lebih-lebih lagi kepada kepapaan. Tetapi, walau bagaimanapun kita tidak mahu perkara itu, akan terkena juga ke atas tiap-tiap seorang manusia yang berada di alam dunia ini. Sebab, sebagaimana yang sama-sama kita maklum, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, cuba sama-sama kita perhati kepada Firman Tuhan di dalam Al-Quran, Surah Al-Nisa' ayat 39, yang bermaksud: "Katakanlah wahai Muhammad kepada seluruh umatmu, memberitahu kepada seluruh manusia bahawa Tuhan yang mengluas dan mengurniakan rezeki kepada sesiapa sahaja yang Ia kehendaki, dan kepada segala hamba-hambanya, dan yang menyempit ataupun yang tidak memberi rezeki baginya. Apa-apa sahaja perkara yang kamu belanja daripada sesuatu rezeki yang kami beri kepada kamu itu (kata Tuhan), maka Allah akan menggantikan rezeki yang kamu belanja itu".

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita faham daripada hakikat ini yang telah pun diberi oleh Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, bahawasanya kaya dan miskin ini adalah perkara yang telah pun ditetapkan oleh Allah subhanahu wa taala ke atas hamba-hambaNya. Sebab kalau tanya hamba-hamba, tidak ada seorang pun yang kata ada akal yang mahu kepada miskin, yang mahu kepada fakir, yang mahu kepada papa. Tetapi apa boleh buat perkara ini dijadikan oleh Tuhan yang menciptakan alam ini.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meninjau ataupun kita meneliti secara terperinci mengikut istilah di dalam Islam, seorang miskin ialah seorang manusia yang pendapatannya tidak lebih daripada $\frac{2}{3}$ kehendaknya, umpamanya dia berkehendakkan \$10 sehari untuk belanja nafkahnya tetapi dia mendapat tidak lebih daripada \$7, itu diistilahkan miskin. Tetapi orang-orang fakir iaitu mereka yang pendapatannya kurang daripada $\frac{1}{2}$ kehendak perbelanjaan hariannya, ertinya kalau dia mahu \$10 dia mendapat kurang daripada \$5, Tetapi kalau kita istilah kepada papa, yang mana papa ini tidak ada tersebut di dalam istilah agama tetapi barangkali papa ini lebih dahsyat lagi daripada fakir dan miskin. Kemungkinan papa ini orang yang tidak mempunyai sesuatu benda pun ataupun seorang yang sudah tidak ada tenaga untuk hendak bekerja mencari nafkah dan tidak ada tempat tinggal dan tidak ada mempunyai punca mendapat kewangan untuk membelanja dirinya dan orang-orang tanggungjawab keatasnya.

Kalaulah orang-orang fakir dan miskin ini diwajibkan oleh Tuhan ke atas orang-orang yang kaya mengeluarkan zakat, yang mana zakat ini ialah satu daripada Rukun Islam yang lima yang mana diwajibkan ke

atas orang-orang yang kaya, sama ada kaya daripada segi makan ataupun kaya harta-benda ataupun kaya daripada punca perniagaan, mengeluarkan zakat 10%, mesti dia kena mengeluarkan kepada 8 jenis manusia yang berada di dalam dunia ini yang termasuk dua itu, iaitu miskin dan fakir, dua daripada 8 itu ialah termasuk orang fakir dan miskin. Jadi, ertinya, ini adalah orang yang dipertanggungjawabkan kepada orang-orang yang kaya, ia mesti memberi pertolongan kepada orang-orang ini.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, katakanlah kalau mengikut Akta yang kita akan gubal ini, kita akan tangkap dan mereka ini bawa kepada tempat tahanan untuk kita menyara hidupnya dan memberi pertolongan kepada dia, inilah amat kena sekali pada tempatnya. Tetapi mengikut pandangan saya, kalaulah kita tahan sekadar 3 tahun, umpamanya kita kata sebagaimana yang tercatat di dalam Akta kita ini, kalau sekiranya mereka yang tidak bernasib baik ini tidak lagi dapat menjaga dirinya untuk hendak menafikah kepadanya, kepada siapa yang mereka ini akan mengadu nasib. Jadi ini adalah tanggungjawab kepada orang-orang yang kaya bahkan kepada Kerajaan, boleh pihak Kerajaan membelanjakan wang negara untuk nafkah dan belanja kepada mereka ini sebab ini adalah tanggungjawab kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengkaji, mengikut pandangan saya, orang-orang yang papa atau orang-orang miskin ini yang berlaku di dalam negara kita ini barangkali kalau kita kata ada setengah dikatakan buat-buat miskin, ini ada kita terdapat. Mereka mencari nafkah dengan secara meminta sedekah, pada halnya mereka mampu, boleh berikhtiar dan boleh berusaha.

Jadi kalaulah ini terkena kepada golongan yang seumpama ini amatlah wajar sekali kepada Akta kita ini, kita boleh menangkap mereka ini bawa ke satu tempat sehingga kita boleh beri kuasa sebagaimana Akta ini kepada Menteri untuk menentukan bila masanya untuk dilepaskan mereka ini daripada tahanan. Sebab ini adalah satu perkara yang tidak digalakkan oleh Islam bahkan Islam tidak bersetuju dengan sifat sedemikian. Sebab kalau kita mengikut Hadis yang disabda oleh Rasulullah s.a.w., bererti sesiapa yang meminta sedekah padahal dia itu mampu dengan secara tidak bersedekah, pada hari kiamat kelak semua daging muka dia im akan luruh, akan disiksa oleh Allah subhanahu wataala. Maknanya dia menjual marwahnya. Ini adalah satu perkara yang amat tidak digemari oleh Islam. Sebab itulah Rasulullah s.a.w. sentiasa bersabda, yang bermaksud, "tangan sebelah atas lebih baik daripada tangan sebelah bawah". Ertinya yang memberi itu lebih baik daripada yang menerima. Tetapi penerimaan ini ialah orang-orang yang buat-buat atau orang yang tidak sebenar terkena nasib sebagai orang papa atau fakir atau miskin. Tetapi kalau sebenarnya mereka ini sudah tidak ada daya dan upaya, iaitu yang diistilahkan sebagai fakir usaha, miskin usaha, ertinya dia tiada daya upaya lagi hendak bekerja dan harta benda pun tiada, rumah tempat tinggal pun tiada, ini adalah tanggungjawab Kerajaan dan tanggungjawab kita bersama untuk menjaga dan memelihara mereka ini buat selama-lamanya, tiada sekatan. Sebab mereka ini tiada tempat, sebab ini adalah tugas.

Kalau kita tengok kepada pemerintahan Saidina Ummar ibnu Khattab r.a., Saidina Ummar sendiri tiap-tiap malam, merayau di tepi rumah orang-orang miskin, tepi-tepi rumah orang-orang yang boleh kita katakan orang-orang bujang, orang tua yang tiada orang yang mengawalinya.

Maknanya dia hendak tahu sendiri apakah hal mereka ini. Dia mendengar sungutan-sungutan daripada orang-orang yang miskin ini mengatakan keadaannya iaitu Khalifah Umar sedaplah dia begini, begini. Tetapi kita sedang duduk menggoreng anak batu supaya anaknya yang hendakkan kepada makanan ini menyangkakan ibunya menggoreng makanan, supaya goreng lama sehingga anak di luar itu tidur. Saidina Umar dengan serta merta pagi besok pikul guni dan dia sendiri pergi menuju kepada rumah itu dan beberapa orang yang di bawahnya minta untuk memikul guni gandum itu. Kata Saidina Umar, pada hari ini adalah orang yang mahu menolong kami daripada memikul, tetapi pada hari kiamat kelak siapa yang akan memikul kesalahan kami untuk tidak menolong rakyat jelata kami yang miskin.

Kalau kita berdasarkan kepada ini, iaitu kalaulah benar-benar orang itu bersifat papa adalah tanggungjawab kita dan sepatutnya kita tidak had kepada orang ini, kita mesti menjaga orang ini sehingga sampai kepada akhir hayatnya, sebagaimana yang telah pun pihak Kerajaan kita buat kepada rumah-rumah orang tua. Inilah cara yang dikehendaki oleh Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji lagi, kenapakah Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri di satu ketika 9 rumahnya itu tidak berasap dan tidak ada makanan. Perkara ini adanya terkena kepada Baginda Rasulullah s.a.w. sehingga Rasulullah s.a.w. pada tiga hari tiga malam dapurnya tidak berasap tetapi Rasulullah s.a.w. terpaksa kena selit batu kerana untuk mempertahankan daripada lapar. Ini adalah bererti menunjukkan kepada kita bahawasanya sifat kaya miskin, turun naik ini adalah perkara yang ditentukan, ertinya kita tidak boleh, cuma kita berikhtiar dan berusaha sahaja tetapi hakikatnya adalah perkara yang sudah ditentukan kepada sesiapa sahaja yang Tuhan kehendaki.

Ini adalah hikmah Allah s.w.t. untuk hendak merasakan kepada Baginda supaya Baginda lebih lagi bersitat simpati kepada orang-orang susah, kepada orang-orang miskin sebab Baginda sendiri telah merasai sifat-sifat kemiskinan. Ini adalah satu perkara yang amat pahit dan amat pedih sekali. Oleh itu, saya dengan ikhlas hati menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, masyarakat yang ada sekarang di dalam negara kita ini sebagaimana yang sama kita saksikan adalah berbagai-bagai masyarakat, berbagai-bagai lapisan. Kalau kita soal kenapa demikian? Ini adalah satu keadilan Tuhan yang menciptakan alam ini untuk hendak menjadikan dunia ini makmur, menjadi aman, menjadi bahagia. Sebab kalau semuanya manusia ini mendapat hasib baik, ertinya semuanya kaya, siapa yang akan menjadi kuli? Siapa yang

mahu kerja? Barangkali kalau orang di ladang getah, tidak ada si penoreh getah sebab semua orang kaya. Jadi ertinya Allah s.w.t. kurniakan kedudukan ini, keadaan berlebih kurang, ada yang tidak bernasib baik ini ialah satu nikmat kepada kita semua semoga kita dapat sama-sama merasai nikmat yang telah pun dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada kita ke alam dunia ini. Kalau tidak demikian, barangkali keadaan dunia ini tidak menjadi aman, makmur sebagaimana yang sama-sama kita rasai ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang masa pun sudah cukup. Tuan Haji bolehlah sambung sedikit besok. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, hari Khamis 5-12-85.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.